



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III Bil. 6

Hari Selasa

8hb Jun 1993

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan I)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan)

(Ruangan 38)

Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)(Pindaan)

(Ruangan 46)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993)

(Ruangan 60)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 8hb Jun, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D OA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI - JUMLAH

1. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara, kos rendah dan kos sederhana; dan
- (b) berapa ramai kakitangan Kerajaan yang terlibat membeli rumah terbengkalai ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai di seluruh negara adalah berjumlah 118. Pada kebiasaan-nya, setiap projek perumahan mengandungi campuran rumah kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi. Oleh itu, Kementerian ini tidaklah mengasingkan projek-projek terbengkalai mengikut kos'rumah.

(b) Dalam menangani projek perumahan terbengkalai, Kerajaan tidak membezakan antara kakitangan Kerajaan dand bukan kakitangan Kerajaan. Ini adalah kerana semua rakyat perlu dibantu, tidak kira sama ada kakitangan Kerajaan atau tidak. Walau bagaimanapun, untuk makluman. Dewan yang mulia ini, jumlah pembeli secara keseluruhan yang terlibat adalah seramai 18,786.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kefahaman, apakah sebab-musabab berlakunya projek peruraahan terbengkalai kos rendah dan kos sederhana ini? Apakah pula tindakan yang dikenakan kepada kontraktor yang berkenaan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai. Antaranya disebabkan dalam tahun 1985-1986 dahulu berlaku kemelesetan ekonomi, maka banyak projek-projek perumahan yang telah dibina telah terbengkalai disebabkan permohonan untuk membeli rumah tersebut "tidak menggalakkan pemaju untuk meneruskan projek tersebut."

Ada juga yang disebabkan oleh kecuaian pemaju itu sendiri, iaitu pihak pemaju tidak membuat pengkajian yang **teliti** tentang viability, dengan izin projek tersebut.

Di samping itu juga, ada juga disebabkan kerana pemaju-pemaju tidak amanah, yang telah menyeleweng akibat kos atau pembayaran yang

telah dibuat oleh pembeli-pembeli rumah telah tidak digunakan untuk membangun projek tersebut, tetapi di sebaliknya telah digunakan untuk kepentingan pemaju itu sendiri. Tindakan telahpun diambil terhadap pemaju-pemaju yang terang-terang melakukan penyelewengan, sama ada mereka telah didakwa di mahkamah oleh pihak pembeli ataupun oleh pihak Kementerian.

Di samping itu juga, terdapat kalangan mereka yang telah tidak dapat menyelesaikan projek perumahan adalah disebabkan oleh sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Maka Kementerian telah menyenaraihitamkan mereka ini supaya permohonan mereka untuk menjadi pamaju perumahan tidak akan dilayan pada masa-masa akan datang.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, goalan tambahan. Daripada 118 projek yang terbengkalai ini, berapakah yang telah dipulihkan semula dan kalau sekiranya tidak ada, apakah Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai ini memandangkan yang menjadi mangsa adalah mereka yang datang daripada golongan berpendapatan rendah..

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Kerajaan telah dapat memulihkan sebanyak 190 projek perumahan terbengkalai yang raelibackan 32,686 bilangan ruraah dan nilai projek ialah RM.1.854 bilion. Ini adalah bilangan rumah yang telah dibaikpulih sehingga bulan Mac, 1993.

Angka 118 projek yang belum dibaikpulih ini boleh dibahagikan kepada 4 kategori:-

- (i) Projek yang baru dikenalpasti 4
- (ii) Projek yang dalam kajian kemungkinan .. 26
- (iii) Projek yang sedia untuk dipulihkan.. .. 50
- (iv) Projek yang sedang dalam pembinaan.. .. 38

Ini bererti bahawa Kerajaan akan terus mencari jalan bagaimana kita boleh membaikpulih keseluruhan bilangan projek yang belum dibaikpulih itu. Kita cuma mengambil masa dan disebabkan oleh keadaan ekonomi sekarang yang begitu menggalakkan, kita berharap projek-projek yang masih terbengkalai ini akan dapat kita baikpulih dalam sedikit masa lagi.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adakah benar bahawa negeri Sabah juga terlibat di dalam projek perumahan terbengkalai ini. Kalau benar, berapa ramaikah projek terbengkalai yang ada di negeri Sabah setakat ini?

Tuan Yang diPertua; Yang Berhormat, pertanyaan itu tidak ada kena-mengena dengan soalan asal, sebab soalan tambahan itu ialah mengenai negeri Sabah.

Tuan, Chong Chi Siong @ Chong Fah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya cama hendak tahu sahaja reaksi daripada pihak bank sejak Kerajaan memperuntukkan 1% sebagai tambahan. Adakah pinjaman perumahan bawah RM100,000 masih menghadapi masalah?

Tuan Osu bin Haji Sukam; Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang soalan tambahan itu.

Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu reaksinya daripada pihak bank sejak Kerajaan memperuntukkan 1% sebagai tambahan. Adakah pinjaman perumahan bawah RM100,000 masih menghadapi masalah?

Tuan. Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, disebabkan 1% yang diberikan oleh Kerajaan sebagai in.sen.tif kepada peminjam-peminjam rumah yang berharga RM100,000 ke bawah, dan mereka ini berurusan terus dengan pihak bank. Makanya sehingga hari ini kita di pihak Kementerian belum lagi menerima sebarang aduan dari pihak-pihak peminjam. Dengan itu, saya berkesimpulan bahawa masalah tentang perkara ini tidak timbul.

MURID LUAR BANDAR/BANDAR - SEMAKAN TAHAP KEMATANGAN

2. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan;:-

- (a) masih banyak sekolah-sekolah di luar bandar dibangunkan dengan hebatnya dan murid-muridnya telahpun bertukar wajah dan boleh mengikut kumpulan murid-murid di bandar. Adakah pihak Kementerian pernah mengadakan semakan seperti melalui seminar-semi.nar tentang kematangan murid-murid dan guru-guru di luar bandar dan juga dalam bandar; dan.
- (b) tentang pemilihan murid-murid untuk ke universiti tidakkah patut Kementerian memberi lebih perhatian dan pertolongan kepada murid-murid luar bandar untuk mendapat peluangnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua-,

- (a) setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak menjalankan semakan secara langsung berkaitan tahap kematangan pelajar-pelajar dan guru-guru di luar bandar dan juga di bandar. Namun demikian, melalui pemerhatian beberapa program yang dikendalikan di sekolah seperti Unit Beruniform, sukan serta permainan dan keputusan peperiksaan awam memperlihatkan bahawa murid-murid bandar dan luar bandar adalah secanding. Pelajar-pelajar luar bandar didapati boleh menyesuaikan diri dengan cepat mengikut keadaan di mana mereka ditempatkan. Hal ini telahpun dapat menunjukkan darjah kematangan mereka. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk mengukur keseluruhan kerana faktor persekitaran dan sistem nilai yang berbeza.

Kementerian Pendidikan. juga ada menjalankan Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan untuk meningkatkan keilmuan, dan profesional guru-guru. Bagi guru-guru pelatih pula, Kementerian menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk memberi pendedahan pengetahuan dan meningkatkan daya tahan dan daya saing di kalangan guru pelatih. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Kursus Bina Negara, Kursus Bina Semangat, Kursus Kepimpinan dan Projek Kemasyarakatan.

- (b) Pemilihan pelajar-peajar untuk memasuki universiti-universiti tempatan. adalah berdasarkan kepada kelayakan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Pada masa ini ramai pelajar yang berasal dari kawasan luar bandar mendapat peluang belajar di sekolah-sekolah di kawasan bandar dan sekolah-sekolah berasrama penuh yang mempunyai suasana pembelajaran dan persaingan yang lebih baik. Dengan yang sedemikian, pelajar-pelajar dari luar bandar berpeluang untuk mendapat keputusan yang baik untuk memasuki universiti.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Timbalan Menteri itu sebentar tadi mengatakan penuntut-penuntut di luar bandar mendapat kesempatan, untuk belajar di sekolah berasrama yang mana mempunyai kemudahan yang sama. Tetapi saya percaya ramai lagi penuntut yang tidak dapat memasuki ke sekolah berasrama masih terpaksa belajar di sekolah-sekolah di luar bandar. Ini bermakna bahawa kemudahannya tidak sama dengan kemudahan, yang ada di sekolah berasrama ataupun

sekolah dalam bandar. Apakah jawapan tadi: menyelesai secara menyeluruh masalah yang dihadapi oleh penuntut di luar bandar. Tidakkan adil kalau sekiranya kelonggaran syarat diberikan kepada penuntut yang keluar daripada sekolah di luar bandar yang tidak berkesempatan untuk masuk sekolah berasrama?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menempatkan pelajar-pelajar luar bandar ke sekolah-sekolah berasrama penuh, Kementerian Pendidikan juga melancarkan beberapa program untuk mempertingkatkan kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar sendiri dan juga memperbaiki suasana dan keadaan di sekolah-sekolah tersebut supaya pelajar-pelajar dapat menikmati satu daya bersaingan. Ini adalah termasuk menempatkan lebih ramai guru-guru terlatih ke sekolah-sekolah di luar bandar dan sebagainya.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga ada melaksanakan program-program lain seperti memberi lebih bantuan dari segi pinjaman buku teks. dan sebagainya kepada pelajar-pelajar di sekolah luar bandar supaya mereka bolehlah menikmati kemudahan dan satu suasana yang lebih baik.

Selain daripada itu juga, dalam memilih calon-calon untuk memasuki universiti tempatan, di antara faktor-faktor yang lain, kita juga mengambil kira latar belakang dan suasana pelajar-pelajar tersebut. Tetapi saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kriteria utama adalah keputusan. Selain daripada Keputusan, universiti-universiti tempatan juga mengambil perhatian latar belakang dan keadaan keluarga calon-calon tersebut.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa Kerajaan menubuhkan asrama penuh tujuan. utamanya ialah untuk menampung dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk mendapat pendidikan yang sama dengan pelajar-pelajar dalam bandar. Jadi soalan saya apakah matlamat. iai telahpun. tercapai dan apakan Kerajaan berpuas hati bahawa sekolah-sekolah asrama penuh sekarang hanya diberikan kepada pelajar-pelajar di luar bandar sahaja? Atau adakah pelajar-pelajar dalam bandar ataupun pelajar yang terdiri dari mereka yang berpendapatan tinggi pun turut sama diberi peluang untuk belajar di sekolah-sekolah asrama penuh?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh. Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa ada juga pelajar-pelajar yang berasal dari sekolah-sekolah di bandar yang juga miskin dan sama juga kita perlu beri perhatian. Oleh kerana itu, di sekolah-sekolah berasrama penuh sekarang, kita dapati bahawa sungguhpun kebanyakan mereka berasal dari luar bandar, tetapi ada juga sekumpulan kecil yang berasal dari bandar.

INSTITUT JANTONG NEGARA - KOS RAWATAN

3. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan memberi kelonggaran kos bagi golongan miskin yang amat memerlukan rawatan sakit jantung di Institut Jantung Negara;
- (b) berapakah bilangan hospital-hospital yang terdapat di kawasan estet-estet pada masa ini. Berapakah bilangan para doktor, pembantu dan kakitangan Gred A yang bertugas di hospital-hospital ini;
- (c) adakah cadangan Kerajaan untuk mengambil alih pentadbiran hospital-hospital di estet ini supaya ia di bawah kawalan Kerajaan; dan
- "(d) jika Kerajaan mengambil alih pentadbiran hospital ini, adakah kakitangan hospital tersebut itu akan dianggap sebagai kakitangan Kerajaan. Bilakah cadangan ini akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah memutuskan bahawa pesakit-pesakit dari golongan miskin dan kurang mampu yang menerima rawatan di Kelas 3 di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. akan diberi bantuan oleh Kerajaan. Untuk mendapatkan kemudahan bantuan Kerajaan ini, pesakit hendaklah dirujukkan ke Institut Jantung Negara melalui hospital-hospital Kerajaan. Pihak hospital dan juga Institut Jantung Negara akan menentukan keupayaan pesakit berkenaan menanggung caj yang akan dikenakan sama ada sepenuhnya ataupun sebahagian atau sejumlah wang yang pesakit mampu bayar dan bakinya akan ditanggung oleh Kerajaan.
- (b) Hasil tinjauan Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia pada masa ini, terdapat sebanyak 65 buah hospital ladang yang menyediakan kemudahan kesihatan kepada sejumlah 873 ladang seluruh negara. Hanya 3 buah hospital mempunyai doktor tetap (resident doctor), sementara 62 hospital lain yang disenggarakan oleh 108 orang pembantu hospital ladang dengan diawasi oleh doktor pelawat. " Daripada 108 pembantu hospital ladang, 62 orang di antaranya mempunyai *sijil kelayakan Gred A*. Kakitangan lain yang memberi perkhidmatan sampingan adalah seramai 193 orang.
- (c) & (d) buat masa ini, Kementerian ini sedang mengkaji dengan mendalam tentang cadangan mengambil-alih 23 buah hospital estet yang dikemukakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kajian ini meliputi implikasi perundungan, pentadbiran, kewangan dan keberkesanannya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan begitu ramai pesakit-pesakit jantung yang berurusan dengan Institut Jantung Negara ini menunggu dalam proses membuat perawatan. Ada di antara mereka terpaksa menghadapi kesulitan yang besar dan di antaranya juga ada yang meninggal dunia kerana menunggu proses perawatan - ini. Apakah langkah pihak Kementerian bagi mempercepatkan proses perawatan jantung kepada pesakit-pesakit yang menunggu?

Dato' K. Kumaran: Kmenterian sedar bahawa banyak queue untuk mendapatkan rawatan, tetapi IJN ini adalah satu badan korporat. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Kementerian membuat satu kajian yang mendalam untuk mewujudkan satu unit dalam Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang diPertua, mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Tuan Setiausaha Parlimen sebentar tadi, iaitu kalau golongan yang tidak mampu, kalau dia memerlukan rawatan, maka dia dikehendaki pergi ke hospital, dirujuk dahulu untuk menyiasat supaya diketahui dia mampu ataupun tidak mampu. Saya ingin bertanya, kalau golongan yang sakit itu datang daripada golongan yang tidak mampu, apakah dia diterima' secara automatik dahulu, dirawat dahulu ataupun hendak diselesaikan raasalah sama ada dia mampu ataupun tidak mampu untuk membayar bayaran rawatan sakit jantung ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-pertua, bagi amalannya, jikalau pesakit itu pergi membuat rawatan sebelum beliau boleh ditetapkan untuk membuat pembedahan, dia diberitahu kosnya. Apabila didapati golongan atau seseorang yang tidak mampu, mereka dirujuk kepada

Pegawai Kebajikan di sana. Untuk menyenangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang yang tidak mampu, Kementerian Kesihatan mencadangkan bahawa saluran yang tertentu adalah hospital-hospital Kerajaan dari mana mereka bermastautin.. Oleh sebab **itu**, apabila mereka sudah mendapatkan satu angka yang tetap, maka 'mereka boleh merayu ataupun merujuk balik kepada hospital; hospital itu akan siasat dan kemukakan kemampuan satu-satu pesakit **itu**. Tetapi soalannya ialah orang yang mampu, bukan? Perkara ini terus-menerus; apabila mereka mampu, mereka terus diberi rawatan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini, saya tanya yang tak mampu! [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya ialah mengenai mereka yang tak mampu.

Dato' K. Kumaran: Sudah jawab! Kerajaan akan menanggung semua perbelanjaan orang yang tak mampu, tetapi melalui saluran yang" tertentu supaya Kerajaan tidak dapat ditipu. Oleh sebab **itu**, kita ada seorang Pegawai Kebajikan untuk tnenyiasat kedudukan kewangan pesakit itu sebelum diberi rawatan percuma.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maknanya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Itulah dia jawapannya, Kita tidak boleh paksalah.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia meninggal dunia sebelum dirawat!

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tetapi kalau mengikut pandangan begitu, orang yang

miskin rasa saya banyak yang matilah daripada orang kaya [Ketawa] kerana dia round dahulu- hendak pergi hospital, pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, lepas itu jumpa Ketua Kampung minta cop, dalam pada itu dia "gol", jalan! Jadi, jawapan yang berpusing-pusing ini harap dikurangkan sedikit..

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, berapakah kos perbelanjaan untuk membaikpulih ataupun untuk mengubati sakit jantung ini, Hitung panjang - hanya kita hendak tahu berapakah bayaran hitung panjang untuk mengubati sakit jantung ini?

Dato' K. Kumaran: Mengubati ataupun pembedahan? Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya bayarannya adalah RM15,000 ke atas untuk pembedahan, bukan mengubati.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Bedakah atau mengubat sama sahaja Tuan Yang di-Pertua, hanya cara penyampaiannya itu berlainan. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut dia, ada perbezaan.

KAPAL PERANG AMERIKA SYARIKAT - PENGGUNAAN LIMBUNGAN DI LUMUT

4. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah benar Kerajaan Malaysia mengizinkan kapal perang Angkatan Laut Amerika Syarikat diperbaiki di Lumut. Sejak keizinan ini diberikan, berapakah jumlah kapal perang Angkatan Laut Amerika Syarikat telah diperbaiki di Lumut.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ada mengizinkan kapal perang Angkatan Laut Amerika Syarikat diperbaiki di Limbungan. NDSB Lumut. Setiap permohonan untuk menghantar kapal-kapal Amerika Syarikat ke Limbungan NDSB akan dibuat oleh Duta Amerika Syarikat

di Kuala Lumpur dan dimajukan-ke Wisma Putra.

Pihak Wisma Putra akan merujuk kepada Kementerian Pertahanan sebelum kebenaran diberikan. Sehingga kini, kerja-kerja yang dilakukan bukanlah kerja, dengan izin, yang "high-added value", tetapi hanyalah kerja-kerja yang mudah dan murah seperti, dengan izin, lagging and insulation of exhaust trunking, rewinding dan lain-lain. Sehingga kini, sebanyak 6 buah kapal telah menjalani pembaikan dan jumlah nilai kontrak adalah sebanyak RM1.6 juta.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan mengizinkan kapal perang Angkatan Laut Amerika dibaiki di Lumut ini, adakah keselamatan negara kita akan terancam ataupun tidak? Kalau terancam ataupun tidak terancam, berikan alasannya.

Kedua, Kapten kapal dan anak-anak kapalnya mendarat di mana? Apakah kerjanya?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan untuk membenarkan kapal perang Angkatan Laut Amerika Syarikat diperbaiki di Limbungan NDSB Lumut, tidak ada kena-mengena dengan soal keselamatan negara kerana kerja-kerja ini bolehlah di.sifat.kan sebagai kontrak komersil sahaja dan bukan ada kaitan dengan soal perjanjian pertahanan dan sebagaiaya. Tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak kapal, mereka biasanya turun di Lumut untuk beberapa hari sebelumnya juga anak-anak kapal yang lain yang Singgah di pelabuhan-pelabuhan dalam negara kita.

Tuan Saad bin Haji Man: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan adanya kapal-kapal perang Amerika diperbaiki- di Limbungan kita di Lumut, maknanya dunia telah menerima mutu perkhidmatan kita untuk membaiki kapal-kapal perang mereka. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah Kerajaan bercadang' atau pihak Limbungan bercadang untuk membina kapal-kapal perang keperluan negara kita di Limbungan NDSB Lumut sama ada untuk kita juga ataupun untuk negara-negara jiran yang berdekatan. dengan kita?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan ada rancangan untuk mempertingkatkan keupayaan NDSB daripada sebuah Limbungan yang hanya ada kemampuan membaikpulih kapal sahaja kepada sebuah Limbungan yang ada kemampuan untuk membina kapal-kapal perang yang jenis sederhana iaitu dalam kategori patrol vessel dan ran.can.gan ini sedang dalam pertimbangan pihak Kerajaan untuk menentukkan skop dan jumlah .peruntukan kewangan yang akan diperlukan untuk melaksanakan rancangan ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini khusus kepada kapal perang yang datang daripada negara Amerika Syarikat. Soalan saya apakah Kerajaan tidak mempunyai dasar iaitu bahawa kita hanya memberikan kemudahan ini kepada Amerika Syarikat sahaja- ataupun kita mempunyai dasar iaitu bahawa kemudahan ini akan dibuka kepada semua negara dalam dunia ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak; Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, Limbungan NDSB akan bertindak sebagai sebuah syarikat komersil. Dalam ertikata, kalau ada permohonan daripada negara-negara lain, pihak NDSB dan pihak Kerajaan Malaysia sedia menimbangkan permohonan daripada negara-negara berkenaan..

SKIM PEMBANGUNAN INDUSTRI SAMPINGAN

5. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Pembangunan, Luar Bandar menyatakan Kemajuan rakyat terhadap skim pembangunan industri sampingan yang diusahakan sehingga sekarang.

Sociusaha Parliment Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, sejak diperkenalkan dalam tahun 1983, seramai 1,820 pengusaha luar bandar telah mendapat faedah dari program perusahaan, luar bandar. Program ini telah membantu mempelbagaikan aktiviti ekonomi penduduk luar bandar selain daripada pertanian. Mereka menceburi daiam bidang perusahaan di mana nilai tamban ataupun dengan izin, value added adalah Lebih tinggi seperti industri perabot, makanan, kraftangan, jahitan, kimpalan, batu blok dan lain-lain lagi.

Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian ini, program ini telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mempunyai program Industri Kecil dan Sederhana. Melalui Bank Pembangunan juga ada program yang menyerupainya. Adakah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar berhajat untuk mengadakan koordinasi dengan projek IKS ini dan juga projek-projek yang dijalankan oleh agensi-agensi yang lain?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, industri kampung yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini adalah terkeluar daripada industri yang di bawah jagaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana Kementerian itu adaian menjaga industri yang antara modal berbayarnya RM1 juta sampai KM250,000 kalau tidak silap saya; tetapi Kementerian ini cuma memberikan peluang kepada mereka yang akan menceburि bidang industri yang mempunyai modal kurang daripada suku r i n g g i t bawah.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyatakan 1,820 pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam rancangan Skim Pembangunan Industri sampingan ini didapati telah dapat mewujudkan beberapa pekerjaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Tetapi saya ingin, bertanya walaupun industri ini tumbuh dengan begitu pesat di kampung-Kampung di luar bandar tetapi bagaimanakah caranya pekasaran ataupun marketing yang dapat dibantu oleh pihak Kementerian, ini kepada pengusaha-pengusaha tersebut?

Dato Mohamed bin Jamrah; Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita meluluskan permohonan untuk menubuhkan industri kampung itu, salah satu daripada kriterianya ialah pengusaha-pengusaha itu dapat memasarkan barang keluarannya. Namun demikian, Kementerian pernah menubuhkan satu syarikat yang dinamakan Syarikat Pembangunan dan Perindustrian Kampung (SPPIK) yang juga menjadi payung untuk memasarkan pengeluaran industri-industri kampung itu. Tetapi pada hari ini syarikat itu telah bertukar tangan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Kementerian Perusahaan Awam. Namun demikian, tugas itu masih berkekalan untuk memberikan kemudahan memasarkan barang, keluaran yang diusahakan oleh industri-industri kecil daripada luar bandar ini.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen berkenaan cara-cara untuk kita mendapat industri sampingan ini kepada rakyat-rakyat yang ingin memohon. Adakah ianya diberi secara permohonan individu ataupun secara menubuhkan persatuan atau pertubuhan.

Dato Mohamed bin. Jamrah; Tuan Yang di-Pertua, projek ini boleh dipohon secara individu; juga boleh dipohon secara berkelompok, Maknanya dua, tiga orang dan juga boleh dipohon oleh persatuan atau pertubuhan seperti koperasi. Permohonan ini mestilah dibuat dengan borang-borang yang selalunya boleh diperolehi di akar umbi, di pejabat-pejabat KEMAS.

KWSP - KELEWATAN PENGELUARAN CARUMAN

6. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah sebabnya pihak KWSP telah melengah-lengahkan pengeluaran wang caruman KWSP kepada peminjam untuk membeli rumah;
- (b) adakah Kementerian sedar, kesulitan yang dihadapi oleh pembeli dalam pemerosesan pinjaman ini walaupun segala dukuman disertakan bersama termasuk kelulusan pinjaman permohonan. Kerajaan dan
- (c) apakah tindakan telah diambil untuk mempercepatkan pengeluaran wang caruman KWSP bagi mengelakkan peminjam kehilangan taraf pembeli.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran bagi tujuan membeli rumah merupakan bentuk pengeluaran kedua terbesar oleh ahli-ahli di bawah Skim Pengeluaran Caruman KWSP. Pada tahun 1992, seramai 49,646 pencarum telah mengeluarkan caruman mereka berjumlah RM437.91 juta, iaitu kira-kira 25% daripada keseluruhan pengeluaran sebanyak RM1.7 bilion.

Kementerian Kewangan sedar memang ada beberapa Kes kelewatannya dalam urusan pengeluaran caruman. Pada kebiasaannya tempoh kira-kira satu bulan diambil oleh EPF ataupun KWSP untuk memproses permohonan tersebut.

Walau bagaimanapun, berbanding dengan jumlah pengeluaran yang begitu besar Kelewatan yang dialami sehingga ini tidaklah merupakan satu masalah yang serius. Antara sebab utama Kenapa terdapat sedikit kelewatan ialah kerana urusan disentralisasi pejabat KWSP untuk mengagihkan tugas dari ibu pejabat ke pejabat-pejabat KWSP negeri di semua negeri. Ini telah sedikit-sebanyak menjelaskan urusan biasa KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini program disentralisasi pejabat KWSP negeri telahpun selesai sepenuhnya, Proses pengeluaran simpanan KWSP di semua pejabat negeri kecuali di Selangor telah pulih seperti sediakala. Pejabat KWSP Negeri Selangor masih dalam proses menyelesaikan masalah peralihan tugas berikut daripada program disentralisasinya. Sekiranya kelewatan masih berlaku, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menulis terus kepada Kementerian Kewangan untuk diambil tindakan sewajaraya bagi mempercepatkan proses pengeluaran.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c), Kementerian Kewangan sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan KWSP kepada ahli-ahlinya dari semasa ke semasa. Salah satu cara yang diambil untuk mempercepatkan proses pengeluaran ialah melalui perlaksanaan program disentralisasi yang telah saya sebutkan tadi.. Melalui program ini segala urusan pengeluaran - kecuali pengeluaran yang berkaitan dengan kematian akan dapat dilakukan di negeri-negeri yang berkenaan iaitu di tempat tinggal- ahli sendiri. Ahli tidak perlu lagi datang ke Ibu Pejabat untuk menguruskan permohonan pengeluaran mereka. Sebaliknya mereka boleh pergi ke pejabat KWSP negeri di negeri masing-masing dan dengan itu menjimatkan masa dan kos.

Dato' (Ir.) Ng Thian Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Nampaknya, walaupun Kerajaan telahpun mengambil beberapa tindakan untuk mempercepatkan pengeluaran wang caruman KWSP, akan tetapi kita masih menghadapi banyak masalah. Satu dari sebabnya yang saya fikir mustahak ialah pembeli rumah itu sendiri menghantarkan permohonannya kepada pejabat KWSP. Dan oleh kerana pembeli itu tidak ada maklumat yang mencukupi berkenaan dengan rancangan perumahan dan lain-lain, maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada boleh atau tidak pemaju perumahan mewakili bagi pihak pembeli menghantar permohonannya terus kepada KWSP?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang sedia ada, pencarum sendiri hendaklah mengisi dan menghantar Borang KWSP⁹ ke Pejabat KWSP negeri bagi membolehkan permohonan mereka diproses. Dalam mengemukakan permohonan, pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan beberapa dokumen. Antaranya, salinan fotostat kad pengenalan, pengesahan majikan mengenai nombor kad pengenalan, Perjanjian Jual-Beli rumah dan juga kalau beliau memohon pinjaman daripada Kerajaan hendaklah juga mengemukakan surat kelulusan pinjaman daripada pihak Kerajaan. Inilah antara syarat-syarat dan dokumen-dokumen yang diperlukan. Setakat ini,

pihak KWSP belum lagi bercadang untuk meminda peraturan yang sedia ada pada masa ini.

Sebagaimana saya maklumkan tadi, sekiranya ada kesesuaian yang mana masa diambil difikirkan lama, melebihi satu bulan; maka pihak yang berkenaan bolehlah merujuk terus kepada Kementerian dan, insya-Allah, kita akan membantu sedaya-upaya untuk mempercepatkan proses tersebut.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementeriannya sedar atau tidak ada pembeli rumah selepas mengeluarkan wang caruman KWSP, mereka bukan menggunakan wang tersebut untuk tujuan membeli rumah tetapi untuk tujuan yang lain. Apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Kementerian memang sedar bahawa terdapat beberapa kes sebelum ini sepertimana sebahagian daripada tidak ramai, beberapa orang pencarum telah menyalahgunakan wang yang diperolehi dari KWSP yang dikatakan untuk tujuan membeli rumah tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Penyelewengan ini telah berjaya dibendung oleh KWSP dan tindakan telahpun diambil terhadap mereka-mereka yang berkenaan. Pada masa ini antara syarat-syarat yang dikenakan untuk mengelakkan penyelewengan seperti ini daripada berlaku lagi ialah mendapat pengesahan - umpamanya kalau peminjam meminjam wang daripada bank, mesti mendapat pengesahan pinjaman dari bank, selain beberapa syarat yang ketat lagi dikenakan bagi

memastikan bahawa pencarum tidak menyelewangkan wang yang diperolehi oleh KWSP. Sekiranya, Yang Berhormat ada kes tertentu, dimana pada pengetahuan Kementerian Kewangan tidak ada lagi kes sebegini; tetapi jika Yang Berhormat ada kes seperti ini, sila rujuk kepada kami untuk siasatan lanjut. -

KILANG KELAPA SAWIT DI LUAR NEGERI - GALAKAN

7. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa dengan pembukaan kilang minyak kelapa sawit di luar negeri seperti yang diumumkan di negara ini akan meningkatkan dan menggalakkan industri kelapa sawit di negara ini dan menjanjikan masa depan yang cerah bagi semua pihak yang terlibat. Adakah pula usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah kelembapan dan kelesuan terutama industri kayu tropika yang menghadapi tekanan ekonomi antarabangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia membuka kilang-kilang minyak kelapa sawit di luar negeri adalah untuk mendapatkan pasaran terjamin (captive market) bagi minyak sawit kita di negara-negara di mana kilang-kilang itu didirikan memandangkan pengeluaran minyak sawit dari Malaysia dan juga dari negara pesaing utama kita yang

semakin meningkat. Di samping itu, industri minyak sawit Malaysia harus juga bersaing dengan 16 jenis minyak sayuran dan lemak lain yang dikeluarkan oleh negara-negara lain yang memberikan berbagai insentif dalam penjualan barang-barang mereka itu.

Tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa industri kayu tropika menghadapi masalah kelembapan dan kelesuan adalah tidak benar. Sebaliknya, keadaan industri kayu di negara ini, sebagai contoh, amatlah menggalakkan. Harga balak dan keluaran berasaskan kayu telah meningkat ke paras yang tinggi setakat **ini**. Walaupun demikian, tidaklah dinafikan bahawa industri kayu-kayan negara dan negara pengeluar kayu tropika yang lain menghadapi masalah tekanan antarabangsa yang berpotensi untuk manbantut perdagangan dan ~~antarabangsa yang berpotensi untuk membantut perdagangan dan~~ perkembangannya, antaranya adalah Kempen Anti-Kayu Tropika. Selaras dengan itu Malaysia dan negara-negara pengeluar lain, terutamanya Indonesia telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk membanteras kempen tersebut.

PERMIT KERJA KEPADA WAHITA-WANITA ASING DASAR PEMBERIAN

8. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang bilangan wanita-wanita asing yang dibenar dan diberi permit kerja di pusat-pusat hiburan dan salun-salun kecantikan. Apakah **ciri-ciri** yang menjadi dasar pemberian permit kerja tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen tidak pernah dan juga tidak berhasrat untuk mengeluarkan sebarang pas kerja kepada mana-mana warganegara asing untuk bekerja di pusat-pusat hiburan atau salun-salun kecantikan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa melalui kebenaran wanita-wanita asing bekerja di pusat-pusat hiburan dan juga di salun-salun ini, ada terdapat mereka yang telah menyalahgunakan kebenaran ini dan dijadikan sebagai alat dalam bidang pelacuran. Saya ingin bertanya apakah dan bagaimanakah cara pengawalan yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri? Apakah cukup hanya dengan apa yang telah disebutkan sebentar tadi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan saya telah menyatakan tidak ada pas kerja akan dikeluarkan ataupun pernah dikeluarkan, tetapi apa yang saya difahamkan ialah terdapat wanita dari negara asing telah dibenarkan untuk datang ke negara kita dan mereka itu merupakan artis pertunjukan pentas hiburan atau kelab-kelab malam. Mereka itu tidak dikeluarkan pas kerja. Mereka hanya diberikan Pas Iktisas (Professional Pas).

Terdapat syarat-syarat yang ketat dikenakan terhadap sesiapa yang diberikan pas itu iaitu mereka perlu menggunakan pas hanya untuk pertunjukan di tempat-tempat yang spesifik dan mereka tidak melakukan apa-apa kegiatan lain selain daripada tujuan yang ditetapkan dalam pas itu. Kalau sekiranya terdapat sebarang

penyelewengan, maka Jabatan Imigresen ataupun pihak Polis dan penguatkuasa yang lain akan mengambil tindakan untuk terus mengusir mereka keluar dari negara ini.

PEMBALAKAN HARAM - JUMLAH KES

9. Dato' William Chek Lin Kwai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan: •

- (a) setakat manakah pihak Kerajaan telah berjaya membanteras kegiatan pembalakan haram di negara ini memandangkan kerap kali wujud berita mengenai pembalakan haram yang beroperasi di beberapa buah negeri baru-baru ini;
- (b) sehingga hari ini, apakah jumlah pembalak haram yang telah ditangkap, oleh pihak berkuasa di negeri Sarawak dan Pahang; dan
- (c) adakah Kementerian akan menyeragamkan dasar-dasar pembalakan yang berlainan di semua negeri-negeri di Malaysia.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua

- (a) Menerusi beberapa tindakan segera yang telah diambil serta

beberapa langkah dan strategi jangka sederhana dan panjang yang dilaksanakan, Kerajaan nampaknya telah dapat membendung masalah pembalakan haram di tahap yang terkawal. Tindakan, langkah dan strategi yang dilaksanakan itu telah mula menampakkan kesan yang diharapkan memandangkan bilangan kes pembalakan haram yang dikesan di Semenanjung telah berkurangan dari 801 kes pada tahun 1991 kepada 326 kes sahaja pada tahun 1992. Di Sarawak, jumlah kes pembalakan haram yang dikesan telah berkurangan daripada 117 kes pada tahun 1991 kepada 82 kes pada tahun 1992 manakala di Sabah, pembalakan haram dilaporkan berlaku pada tahap yang tidak serius dan keadaan agak terkawal.

Berdasarkan kepada keadaan" yang menggalakkan ini, , Kerajaan terus melipat-gandakan usaha menangani masalah pembalakan haram dengan lebih tegas dan berkesan. Kekerapan liputan oleh media massa mengenai kejadian pembalakan haram menunjukkan kejayaan kita mengesan dan membongkar kes-kes untuk pengetahuan umum. Kesedaran, kepekaan dan publisiti umum ini amat penting dan saya bagi pihak Kementerian mengucapkan setinggi tahniah kepada media massa yang telah memainkan peranan sehingga tindakan yang diambil itu , agak berkesan dan menakutkan para pembalak-pembalak haram.

- (b) Bagi tempoh 1991/1992, sebanyak 199 kes pembalakan haram telah dikesan di Sarawak dan sebanyak 13 kes telah melibatkan tangkapan dan pendakwaan di mahkamah. Dalam tempoh yang sama juga, bilangan kes pembalakan haram dikesan di Pahang ialah 346 di mana satu kes sahaja melibatkan tangkapan dan pendakwaan di mahkamah.
- (c) Perhutanan dan pembalakan merupakan perkara di bawah bidangkuasa dan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menggalakkan lagi penyelarasan dan penyeragaman dasar di dalam bidang pembalakan dan perhutanan di kalangan negeri-negeri.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri berkenaan dengan pembalakan di negeri Sabah. Setakat ini berapa banyakkah pembalakan haram yang berlaku di negeri Sabah?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mempunyai perangkaan dan memerlukan notis kerana maklumlah, susah kita hendak mendapatkan maklumat-maklumat yang sebenar daripada negeri Sabah dan sebab itu MTIB telah masuk ke Sabah. Insya Allah, di masa-masa depan kami akan mempunyai rekod yang lengkap.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994 - PERSEDIAAN

10. **Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah bentuk persediaan yang telah dibuat dan diatur bagi memeriah dan menarik minat pelancong melawat negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 1994;
- (b) apakah bentuk promosi di luar negara yang telah dijalankan, semenjak bila dan berapa peruntukannya;
- (c) berapakah ramalan jumlah pelancong yang dijangka dapat melawat negara kita sempena Tahun Melawat Malaysia 1994;
- (d) berapakah jumlah peruntukan sepenuhnya untuk menjayakan segala projek Sempena Tahun Melawat Malaysia 1994; dan
- (e) apakah Kerajaan-kerajaan Negeri yang turut menjayakan program Tahun Melawat Malaysia 1994 ini akan diberikan peruntukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian:-

- (a) Antara persediaan yang telah diatur oleh Kementerian untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia 1994 ialah merancang acara-acara tertentu sebagai perayaan-perayaan di sepanjang Tahun Melawat Malaysia 1994; merancang dan melaksanakan proraosi Tahun Melawat Malaysia 1994 di dalam dan di luar negeri; melengkap dan memperbaiki dan memperindahkan infrastruktur dan produk-produk pelancongan di seluruh negara; menjalankan kempen-kempen bagi

menyedarkan rakyat tanggungjawab mereka terhadap industri pelancongan di samping menggalakkan mereka melancong di dalam negeri; menggalakkan kegiatan-kegiatan teras asas pelancongan seperti aktiviti-aktiviti kesenian, kempen kebersihan, memperbaiki tntut perkhidmatan pelancongan dan sebagainya.

- (b) Berbagai aktiviti promosi-dan publisiti telah disusun oleh Kementerian bagi menarik minat para pelancong asing datang ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1994. Aktiviti-aktiviti promosi adalah meliputi:-

- (i) sebanyak 28 seminar pengumuman kempen Tahun Melawat Malaysia 1994 telah diadakan oleh Pejabat-pejabat Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia di luar negeri;
- (ii) sebanyak 18 pakej pelancong yang memasukkan acara-acara Tahun Melawat Malaysia 1994 juga telah dikenalpasti dan ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan;
- (iii)** mengadakan kempen pengiklanan serta rencana di dalam majalan pelancongan di pasaran-pasaran utama;
- (iv) menyertai pameran pelancongan dan misi galakan pelancongan di sernua pasaran dan di pelbagai forum;

- (v) memperbanyakkan pakej lawatan kepada yang sedia ada. Satu program lawatan suaikenal serta perjumpaan di antara pengusaha-pengusaha di dalam membekal produk-produk pelancongan Malaysia diadakan; dan
- (vi) mengenalpasti dan merancangkan penjualan 52 pakej pelancongan Tahun Melawat Malaysia 1994 yang akan ditawarkan sepanjang tahun 1994.

Peruntukan kempen Tahun Melawat Malaysia 1994 adalah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah</u>
1992	RM7.6juta
1993	RM41.08 juta
1994	masih dalam pertimbangan pihak berkuasa.

- (c) Sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 dijangka seramai 7 juta pelancong akan datang melawat Malaysia.
- (d) Setakat ini Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM42.8 juta untuk raelaksanakan program-program di bawah Tahun Melawat Malaysia 1994 bagi tahun 1992 dan 1993. Bagi tahun 1994, masih lagi di dalam perundingan dengan - Kementerian Kewangan,

- (e) Kementerian seperti juga di tahun 1990 berhasrat untuk memberi bantuan kepada semua negeri-negeri di dalam melaksanakan program Tahun Melawat Malaysia 1994 seperti bagi menganjurkan acara-acara serta penyediaan kemudahan-kemudahan asas tertakluk kepada peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

TELEFON AWAM - PERLUASAN PERKHIDMATAN

11. **Tuan Itam Wali bin Nawar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa perkhidmatan - telefon amat diperlukan oleh penduduk-penduduk kawasan terpencil dan pedalaman bagi kes-kes kecemasan. Adakah pihak Kementerian bercadang memperluaskan perkhidmatan telefon menggunakan -sistem tenaga solar ke kawasan-kawasan tersebut.

19. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen membekalkan perkhidmatan telekomunikasi kedua negara. Sekiranya ada, bilakah ianya akan dilaksanakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawabkan pertanyaan ini bersama-aama dengan pertanyaan No. 19 kerana kedua-dua pertanyaan ini menyentuh perkara telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan Telekom Malaysia sedang berusaha melaksanakan rancangan telefon awam luar bandar bagi memperluaskan perkhidmatan telefon khususnya untuk penduduk-penduduk di kawasan pedalaman. Untuk memberi perkhidmatan ke kawasan yang

ketiadaan rangkaian kabel dan yang terpencil, Telekom Malaysia telah menggunakan teknologi radio seperti ATUR, Country Set dan MARS iaitu dengan izin, Multi Access Radio Systera,

Bagi kawasan terpencil yang tidak mempunyai bekalan tenaga elektrik,. tenaga solar akan digunakan. Kebanyakan sistem tenaga solar yang sudahpun digunakan adalah untuk keperluan telefon awam luar bandar yang menggunakan rangkaian ATUR dan VHF Country Links.

Sehingga April 1993, terdapat sejumlah 11,977 telefon awam di kawasan luar bandar dan 760 daripada itu menggunakan teknologi radio. Pada akhir 1993, jumlah ini akan bertambah menjadi 12,259. Pecahan telefon awam yang menggunakan teknologi radio adalah seperti berikut(i) Jumlah telefon awam ATUR ialah 299 unit dan 28 unit

(i) **Jumlah telefon awam ATUR ialah 299 unit dan 28 unit lagi akan dipasang pada tahun ini.**

(ii) **Jumlah telefon awam Country Set ialah 452 unit dan 237 unit lagi akan dipasang pada tahun ini.**

(iti) **Jumlah telefon awam MARS ialah 11 unit dan 17 unit lagi akan dipasang pada tahun ini.**

Selain daripada 282 lokasi telefon awam yang akan dipasang pada tahun ini, Telekom Malaysia juga merancang sejumlah 2,430 unit bagi dilaksanakannya dalam Rancangan Malaysia Keenam, khususnya di kawasan-kawasan yang terpencil.

Tuan Yang di-pertua, jawapan bagi Pertanyaan No. 19 daripada Yang Berhormat Hajah Che Pora binti Haji Omar adalah seperti berikut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sehingga kini belum lagi mengeluarkan lesen bagi membekalkan perkhidraatan telekomunikasi kedua negara, dengan izin, iaitu second carrier.

Dalam menimbangkan perkara ini, Kerajaan perlu mengambil kira perkembangan pesat yang sedang berlaku di industri telekomunikasi, terutamanya dari segi perubahan teknologi dan peningkatan permintaan daripada orang awam dan sektor perniagaan.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan telekoraunikasi yang terdapat di negara ini sentiasa dapat memenuhi permintaan para pengguna.

Sehubungan dengan ini dan sesuai dengan Dasar Penswastaan, pihak Kerajaan telah menggalakkan pihak sektor swasta untuk melabur dan mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi. Pihak CELCOM yang diberi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan cellular 900 megahertz tidak lama lagi akan dapat memperluaskan perkhidmatan ke luar negeri melalui, dengan izin, second international gateway. Pihak Kerajaan juga telah mengeluarkan lesen kepada Time Engineering untuk memasang dan mengendalikan rangkaian 'fibre optic' yang meliputi seluruh negara. Dengan adanya rangkaian 'fibre optic'¹ ini, ia akan dapat mempermodenkan rangkaian telekomunikasi negara, di samping mengurangkan masalah kesesakan talian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sedikit masa lagi, pihak Kerajaan akan mengeluarkan satu lagi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan cellular, iaitu Syarikat MOBICOM yang akan menjalankan operasi atas frequency 800 megahertz.. Selain itu, lesen juga telah dikeluarkan kepada Syarikat Bina Riang untuk melancarkan satelit Malaysia, iaitu MEASAT yang mengendalikan sistem bumi, iaitu hill station, dengan izin, pada tahun 1995. Syarikat Bina Riang juga telah diberi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan cellular GSM, dengan izin, General System Mobile.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya kesemua perkhidmatan yang telah saya sebutkan, sesuatu inter-connection akan dapat diwujudkan di antara perkhidmatan-perkhidmatan ini. Perkembangan ini dengan sendirinya akan menyediakan perkhidmatan dan berkongsi sebagai rangkaian tambahan ataupun rangkaian kedua. Dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan satu lesen khas bagi pengendali rangkaian kedua.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi termasuk adanya usaha untuk mewujudkan 'trunking network'¹ di peringkat nasional ataupun mengikut kawasan-kawasan regional?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jelaskan tadi., apabila kita memasang 'fibre optic cable', trunking boleh juga menjalankan aktiviti melalui fibre optic.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa telefan awam atau peralatan country set yang dipasang di kawasan terpencil. Adakah kawasan terpencil ini termasuk kampung-kampung Orang Asli?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk kampang-kampung Orang Asli dan juga kampung-kampung di Sarawak, kampung-kampung di Sabah dan semua tempat, bukan kira aslikah atau tidak asli [Ketawa], kampung yang di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 47 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 1992****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb Jun, 1993)

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menyambung jawapan.

3.34ptg.**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

[Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung setnula penggulungan atas perbahasan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (pindaan) 1992.

Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bahawa nilai tanah yang diwartakan di bawah seksyen 15, Akta Benda Purba 1976 akan merosot hingga kepada tidak bernilai langsung. Sukalah saya menjelaskan bahawa nilai hartanah terlibat tidak akan merosot, sebaliknya mungkin akan lebih menguntungkan pemilik tanah, kerana bangunan atau monument atas tanahnya akan sentiasa dikunjungi oleh pelancong.

Sehubungan dengan nilai Tanah Rizab Melayu yang diambil balik, sukalah saya menarik perhatian Dewan bahawa seksyen 1, Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dipindah dalam tahun 1984

yang menetapkan bahawa dalam mentaksir nilai pasaran mana-mana tanah yang dijadualkan sebagai Tanah Simpanan Melayu atau sesuatu Pegangan Melayu, di bawah Enakmen Tanah Simpanan Melayu Terengganu atau tanah adat di Negeri Sembilan atau Melaka, tidaklah boleh diambilkira ciri-ciri tersebut. Dengan pindaan tersebut, Tanah-tanah Rizab Melayu, Pegangan Melayu atau Tanah Adat adalah dinilai harga pasarannya sama dengan tanah-tanah biasa yang bukan Rizab Melayu yang berhampiran. Oleh yang demikian, tidak timbul kenyataan bahawa nilai Tanah Rizab Melayu menjadi murah dalam pengambilan semula oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-pertua, suka juga saya menegaskan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang ini hanya akan meminda subseksyen (2), seksyen 1 dalam Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960 tanpa sedikit pun menjaskan peruntukan subseksyen (2)(a) seksyen 1 mengenai nilai Tanah Rizab Melayu, seperti yang saya jelaskan sebentar tadi.

Sehubungan dengan pertanyaan mengenai sama ada Tanah-tanah Rizab Melayu yang diambil balik telah diganti, sukalah saya jelaskan bahawa di bawah peruntukan Fasal (3), Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, adalah menjadi kewajipan Kerajaan Negeri mengganti semula dengan serta-merta mana-mana Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan rizabnya dengan mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu. Mengikut rekod Kementerian, keseluruhan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia seluas 4.04 juta hektar di mana seluas hampir 83,000 hektar darinya telah diambil balik dan dimajukan dengan

projek-projek pembangunan. Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan bagi menggantikan Tanah-tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan dan ianya mengambil sedikit masa memandangkan kesukaran mendapatkan tanah ganti yang sama taraf, lebih-lebih lagi di tempat-tempat strategik atau bagi negeri-negeri yang kekurangan tanah. Mengikut rekod Kementerian ini, beberapa Kerajaan Negeri masih belum menggantikan Tanah-tanah Rizab Melayu yang dibatalkan. Misalannya, Kerajaan Negeri Kelantan masih belum menggantikan Tanah-tanah Rizab Melayu seluas 8,183.53 hektar yang telah dibatalkan Rizab Melayunya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat yang sama, sama ada pengambilan Tanah-tanah Rizab Melayu boleh digantikan dengan tanah juga. Sukalah saya menarik perhatian Dewan kepada peruntukan subseksyen (1) seksyen 15, Akta Pengambilan Tanah 1960 yang berbunyi seperti berikut, dan saya quote:

"15(1). Dalam membuat sebarang penyiasatan dan anugerah di bawah seksyen 12 • dan 15, Pentadbir Tanah boleh atas budibicaranya bagi mana-mana tanah yang dijadualkan, sama ada dengan bayaran secara penuh atau penggantian sebahagian daripadanya untuk wang pampasan, memasuki mana-mana urusan dengan orang yang mempunyai kepentingan dalam tanah dengan cara yang adil berkaitan dengan kepentingan-kepentingan pihak-pihak yang berkenaan."

Dengan peruntukan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa Pentadbir Tanah boleh, sama ada memberi pampasan dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk penggantian tanah, tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Pada kebiasaannya pampasan dalam bentuk wang tunai diberi bagi membolehkan tuan tanah membeli tanah 'lain. Penggantian tanah jarang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, kerana masalah tidak cukup tanah Kerajaan yang sesuai khasnya di tempat-tempat yang telah membangun.

Berkenaan dengan keraguan Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali berhubung dengan nilai pampasan tanah yang diambil balik. Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seseorangpun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-udang tertakluk kepada pampasan yang mencukupi.

Di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir Tanah akan menentukan nilai pampasan mengikut harga pasaran tanah semasa tarikh Warta Pengambilan Tanah disiarkan, berpandukan nilai yang dianggarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.

Sakiranya pampasan lambat dibayar, tuan tanah tidak akan rugi kerana faedah 8% setahun perlu dibayar oleh Kerajaan, sekiranya pampasan lewat dibayar lebih 3 bulan dari tarikh perintah atau award pampasan dibuat oleh Pentadbir Tanah.

Subseksyen (4), seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dipinda dalam tahun 1984, yang memperuntukkan bahawa Warta

Pengambilan Tanah akan terbatal dengan sendirinya, jika 'award' tidak dibuat oleh Pentadbir Tanah dalam terapoh 2 tahun dari tarikh Warta Pengambilan Tanah.

Pindaari Akta ini telah melindungi tuan tanah dari kerugian akibat kalewatan- urusan pengambilan dan pampasan tanah. Dalam hubungan ini Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah menetapkan garispanduan supaya urusan pengambilan balik tanah bagi kes-kes biasa hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak lebih 6 bulan dari tarikh Warta Pengambilan Tanah.

Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba bahawa Kerajaan akan menukar kegunaan tanah yang diambil balik dengan sewenang-wenangnya; sukalah saya menarik perhatian kepada peruntukan seksyen 3(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 yang menyebut:

"Bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil
balik tanah-tanah milik bagi maksud-maksud
yang memberi faedah sepenuh atau sebahagian-
nya kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau
kepada awam."

Perkara menukar kegunaan tanah kepada maksud-maksud lain dari tujuan asal Warta Pengambilan Tanah adalah di luar kawalan Kerajaan Persekutuan, kerana ianya di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Negeri.

Sehubungan dengan urusan pengambilan tanah atas tanah-tanah yang telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba 1976, sukalah saya

memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan menukar kegunaan tanah kepada maksud lain, kerana tujuan pengambilan tanah tersebut adalah bagi maksud mengakalkan warisan sejarah, bukannya untuk tujuan komersil.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, penukaran tanah sewenang-wenangnya kepada maksud lain, yang tiada kaitan dengan tujuan pengambilan tidak harus timbul.

Tuan Yang di-Partua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi membangkitkan tentang tanah wakaf. Berhubung dengan pengambilan balik tanah-tanah wakaf, Akta Pengambilan Tanah 1960 hanya berkuatkuasa ke atas tanah yang mempunyai Surat Hakmilik tanah sahaja.

Sekiranya tanah wakaf masih berdaftar di atas nama pemilik tanah atau pemegang tanah atau diletakkan kepada Majlis Agama Islam, maka tanah-tanah sebegini boleh diambil balik, di mana pampasannya dibayar mengikut peruntukan seksyen 29, Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada perailik tanah dan orang-orang yang mempunyai kepentingan atasnya.

Sekiranya tanah wakaf telah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri untuk diwakafkan, maka tidak timbul soal pampasan. Dalam hal ini bagi menjaga nilai-nilai keagamaan tanah-tanah wakaf, Kerajaan seboleh-bolehnya tidak akan mengambil balik tanah-tanah sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain Yang Berhormat Dato'Azumu bin Tak membangkitkan tentang perlunya perbincangan antara Karajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat berkenaan dengan tanah.

Ada dua jawatankuasa yang mana perbincangan tanah boleh dijalankan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Pertama ialah di peringkat Ketua Pengarah Tanah dan Galian dengan Pengarah Tanah dan Galian yang membincangkan segala aspek tentang pentadbiran tanah..

Yang keduanya ialah Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahlinya terdiri dari Menteri-menteri yang Kementeriannya ada bersangkutan dengan tanah, Menteri-menteri Besar dan juga Ketua-ketua Menteri termasuklah Negeri Kelantan dan Sabah

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup sukalah ditegaskan sekali lagi bahawa hal ahwal tanah adalah -di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Tanah Negara hanya bertindak membentuk dan menyeragamkan Undang-undang Tanah dengan persetujuan Karajaan Negeri.

Cara bagaimana Undang-undang Tanah hendak dilaksanakan adalah bergantung kepada Kerajaan Negeri. Jentera telah dibentuk di peringkat Persekutuan, penggunaan jentera itu adalah dalam tangan Kerajaan Negeri.

Atas teguran Ahli-ahli Yang- Berhormat yang lain, bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih. Dan saya memberi pengakuan bahawa pihak Kamenterian akan memberi perhatian yang sewajarnya. Tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang sesuai juga akan diambil. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli- ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN
BERKELOMPOK) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan. Ketiga

3.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Tuan Mohd. Noh bin Rejab]; Tuan. Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibacakan kali yang k.edu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini dibahaskan, suk.alah saya menerangkan sebab-sebab dan tujuan-tujuan mengapa Rang Undang-undan ini dibentangkan.

Sebagaimaa Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 telah digubal bagi mempercepatkan memudahkan urusan pemberian milik tanah kepada mereka yang tidak mempunyai atau tidak mencukupi tanah. Ianya dilakukan dengan cara berkelompok untuk mengawal supaya keluasan tanah di bawah rancangan-rancangan seperti ini tidak berkurangan. Akta ini telah memasukkan peruntukan-peruntukan yang tidak membolehkan tanah-tanah di bawah rancangan seperti ini dipecahbahagi acau aiberimilik kepada iebih daripada seorang,.

Tuan Yang ai-Pertua, suka juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini juga digunakan, sebagai instrumen bagi mewartakan

tanah-tanah yang terletak dalam kawasa yang dimajukan oleh Lembaga-lembaga Pembangunan Tanah seperti FELDA, FELCRA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Akta ini tidak menyentuh peruntukan-peruntukan mengenai fungsi dan operasi Lembaga-lembaga tersebut. Fungsi dan operasi Lembaga-lembaga tersebut telahpun diperuntukkan dalam Akta masing-masing, seperti FELDA melalui Akta Pembangunan Tanah No.20 Tahun 1956 dan FELCRA melalui Akta FELCRA (Permerbadanan) No.22 Tahun 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini tidak mempunyai peruntukan bagi membolehkan pihakberkuasa negeri membatalkan mana-mana kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan berkelompok. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1981 peruntukan pembatalan telahpun dibuat. Seksyen 44(1) telah memperuntukkan bahawa pihakberkuasa negeri setelah berunding dengan Menteri bolehlah mewartakan penapisytiharan supaya kesemua atau sebahagian daripada Kawasan Rancangan Berkelompok terhenti daripada menjadi Kawasan Penempatan Berkelompok.

Seksyen 2 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelorapok) 1960 mentakrifkan, "Menteri" atau "Minister", dengan izin, adalah seperti berikut:

"'Minister' means the Minister charged with responsibility for State Development Authority".

Pada bulan Oktober, 1990, berikutan dengan berpindahnya agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA dan FELCRA daripada kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka Menteri yang bertanggungjawab mengikut

Akta tersebut adalah Menteri yang mempunyai bidangkuasa dalam Lembaga Kemajuan Tanah, iaitu Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa pembangunan di negara kita telah berlaku dengan pesatnya. Ianya telah menular sehingga ke kawasan-kawasan yang telah diwartakan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Oleh yang demikian, Kementerian telah menerima permohonan untuk membatalkan kawasan-kawasan yang terlibat daripada pihakberkuasa negeri dari semasa ke semasa. Dalam keadaan seperti yang ada sekarang ini, permohonan-permohonan tersebut dimajukan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian akan memproses permohonan tersebut dan seterusnya dihantar kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk persetujuan.

Bagi menyenangkan pemerosesan tersebut, maka dicadangkan 'pindaan' seperti yang, ada dalam Rang Undang-undang ini. Cadangan dibuat dengan cara meminda takrif "Menteri" iaitu bagi maksud Akta pada keseluruhannya, "Minister" adalah dirujukkan kepada Menteri yang bertanggungjawab dengan tanggungjawab Lembaga Kemajuan Tanah. Walau bagaimanapun, bagi maksud seksyen 44(1) Akta tersebut, "Minister" bererti, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab atau jika di.beritahu sedemikian menerusi warta yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Tugas-tugas Menteri 1969.

Tuan Yang di.-Pertua, dengan cadangan ini diharapkan ianya akan dapat memberi keflexibilan di mana apabila tugas-tugas Menteri disusun semula atau diubah, takrif menentukan bagi maksud seksyen 44CD bolehlah ditakrifkan dengan sewajarnya tanpa memerlukan

apa-apa pindaan Pindaan ini diharap akan dapat memberikan kelongaran dan kelincinan dalam memproses permohonan-permohonan daripada pihak berk uasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah, suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

3.58 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang ini, cuma untuk memberikan penjelasan bagi memuaskan hati saya.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan sebentar tadi, iaitu bagi menyenangkan kerja-kerja, maka Akta ini dipinda dengan sedemikian rupa untuk memberikan sedikit keflexibilitan. Soalan saya iaiah, apakah selama ini tidak senang? Saya ingin iatiu, iaitu apakan perkara yang menyebabkan bahawa pada ketika ini apabila Rang Undang-undang ini tidak dipinda, maka ianya tidaklah begitu senang jika dibandingkan jika ianya dipinda? Soalnya di sini ialah, seolah-olah Menteri daripada Kementerian, Tanah dan Pembangunan Koperasi mempunyai masalah dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, walhal Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi datangnya daripada satu parti. Apakah masalahnya? Saya rasa soalnya ialah, soal fomaliti sahaja, Apa yang telah diputuskan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan.

Koperasi dihantar kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar, dia sign sahaja. Sehingga memerlukan kepada pindaan ini, mungkin ada masalah yang tidak dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sehingga memerlukan kepada pindaan Kepada Akta **ini**. Soalan saya ialah, apakah sebenarnya masalah yang dihadapi sehingga memerlukan kepada pindaan kepada Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) **ini**?

Dengan itu, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1992. Terima Kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

4.00 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta bercakap tentang masalah ini. Sebelum itu, ingin saya menyatakan bahawa saya menyokong supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan kenapa FELDA dan FELCRA yang sepatutnya ada di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Koperasi ini ditukarkan kepada Kementerian Luar Bandar. Selepas itu pula, apabila fungsi Lembaga-lembaga ini diserahkan kepada Kementerian Luar Bandar, kita juga mendengar bahawa Kementerian itu hendak menyatukan kesemua Lembaga-lembaga di bawah Kementerian ini di bawah satu badan yang besar. Beberapa kali kita bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, apakah kedudukan atau masalah ini sehingga hendak disatukan; jawapan yang diberi oleh Kerajaan adalah "masih dikaji". Lanya sudah lama, dan saya rasa tiba masanya supaya ianya dapat disegerakan.

Jika masalah yang disebutkan oleh Kerajaan tadi ialah kerana kordinasi sahaja, maka agak ada baiknya supaya FELDA dan FELCRA ini diserahterahkan semula kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan sedikit tentang Warta Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan - mungkin ia terkeluar daripada Rang Undang-undang ini. Saya ingin menyatakan kekesalan saya bahawa sebagai Ahli Dewan Negara **ini**, kita dibekalkan Warta Kerajaan ini apabila ia dikeluarkan. Tetapi ianya diterima begitu

lewat sekali. Jika sekarang ini bulan Jun, maka Ahli-ahli Dewan ini cuma dapat menerima Warta Kerajaan yang dikeluarkan dalam bulan Januari 1993. Kenapa ianya dilewatkan? Mengikut tarikh-tarikh yang kita tahu, Warta Kerajaaa yang dikeluarkan itu kita tahu tarikhnya, tetapi dihantar kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini begitu. lewat sekali. Apabila Yang Berhormat; Setiausaha Parlimen menyebut berkenaan dengan Warta Kerajaan tadi, saya mengarbil kesempatan memohon supaya melaluinya dapat menyampaikan hasrat kita supaya Warta Kerajaaa itii diserahkan seberapa cepat yang boleh kepada Ahli-ahli Dewan Negara **ini**.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.03 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)-(Pindaan) 1992. Sebelum saya memberikan pandangan dan juga menyokong akan Akta ini bagi pihak rakan-rakan yang telahpun memberikan pandangan kepada Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992 pada hari semalam, saya ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang telahpun memberikan jawapan yang sungguh meyakinkan pada hari ini, kalau dibandingkan dengan jawapan yang diberikan pada semalam.

Sebenarnya saya dan juga rakan-rakan lain telahpun bersedia dengan soalan-soalan untuk ditanyakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetapi nampaknya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun dapat mengagak apa-apa pertanyaan-pertanyaan yang

akan kami tanyakan - tanpa kami menanyapun, nampaknya Yang Berhormat telahpun menjawab yang begitu meyakinkan sekali, dengan Akta-akta yang telahpun dibacakan. Apabila saya semak balik dengan Land Acquisition Act 1960 yang saya miliki, saya dapat ianya sungguh cepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga pada masa-masa yang akan datang apabila pihak Kerajaan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, ianya akan dapat menjawab dengan secara yang meyakinkan, seperti yang telahpun dijawab pada hari **ini**. Kerana saya percaya kalau jawapan yang diberi seperti semalam juga, jawapannya tentulah berlainan. Lebih-lebihnya akan dijawab "segala pandangan-pandangan Yang Berhormat itu diambilkira dan juga akan diberikan perhatian". Tetapi hari ini boleh dikatakan setiap soalan-soalan dijawab dengan sebeginu jelas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)(Pindaan) 1992 ini, saya percaya dengan arus pembangunan yang sebeginu pesat yang berlaku di negara kita **ini**, scperimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ianya adalah disebabkan pada satu ketika dahulu Kerajaan telahpun menganugerahkan tanah-tanah secara berkelompok supaya dimajukan untuk tujuan pertanian, tetapi disebabkan oleh arus pembangunan, tanah-tanah ini semakin hari semakin hampir kepada bandar dan juga banyak pembangunan-pembangunan yang boleh dilakukan.

Saya masih ingat lagi, salah satu daripada masalah yang dihadapi ialah Rancangan Tanah Berkelompok di Kampung Sungai Midah, di Cheras. Saya fikir inilah permulaannya di antara tanah-tanah berkelompok, di mana setiap 40 orang keluarga di sana telahpun di-

anugerahkan ataupun diberikan hak untuk mengusahakan lapan ekar tanah ditanam dengan getah, Tanah ini telahpun diberi pada tahun 1960 dahulu, dan pada hari ini tanah itu sungguh berharga dan Kerajaan bercadang untuk membangunkannya tetapi telah timbul masalah kerana tidak ada hakmilik (title) yang berasingan. Itulah sebabnya Kerajaan memikirkan tentang perlunya Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1992 ini dipinda.

Pada masa yang sama juga, walaupun perkara ini belum berlaku lagi, tetapi saya percaya ianya akan berlaku satu hari kelak. Walaupun ianya bukan mengenai tanah berkelompok, tetapi juga mengenai kawasan-kawasan perumahan, khasnya kawasan-kawasan rumah murah yang ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ini di mana terdapat di setengah-setengah kawasan ada yang dibangunkan pada tahun 60an ataupun 70an dahulu lagi. Pada hari **ini**, kawasan-kawasan perumahan itu tidak sesuai lagi, dan perlu dibangunkan semula. Jadi, akan timbul juga masalah-masalah untuk mendapatkan persetujuan daripada tuan-tuan tanah ataupun pemilik-pemilik harta tanah rumah-rumah murah yang berkenaan yang dibina secara berkelompok oleh pihak Kerajaan. Perkara ini juga patut difikirkan oleh pihak Kementerian, khasnya mengenai kawasan-kawasan penempatan berkelompok seperti ini supaya ianya tidak akan membantut pembangunan.

Saya masih ingat lagi, iaitu Rancangan Tanah Berkelompok di kampung Sungai Midah yang ada sekarang, sampai hari ini belum dapat dibangunkan, oleh kerana 38 daripada 40 orang keluarga yang terlibat telahpun bersetuju untuk menyerahkan tanah ini kepada Syarikat SPPK. Hanya dua yang masih belum bersetuju. Akibatnya sampai sekarang pun tanah di kawasan itu tidak dapat dibangunkan, tidak

dapat dibuat pembangunan seperti yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Walaupun kawasan yang lain telahpun ditebang, telahpun diratakan untuk pembangunan, tetapi masih terdapat dua kawasan ataupun 16 ekar lagi tanah sebagai "pulau" di tengah-tengah kawasan itu, dan menunggu keputusan daripada pihak mahkamah ataupun pihak Kerajaan melalui Akta-akta yang diluluskan untuk mengambil balik tanah-tanah ini.

Begitu juga perkara yang boleh saya perhatikan. kemungkinannya akan berlaku dalam kawasan-kawasan perumahan atau kawasan-kawasan rumah murah, umpamanya yang diberikau secara berkelompok walaupun ini hanya diberikan mungkin kepada setiap seorang seluas 1,000 kaki persegi tetapi, saya percaya kesaaaya. mungkin sama, Kemungkinanya Kerajaan memikirkan untuk membangunkan semula kawasan-kawasaa penempatan berkelompok yang berkenaan, tetapi akan menghadapi masalah. Jadi, pertanyaan saya ialah adakah Akta Kawasan Penempatan Berkelompok ini juga meliputi kawasan-kawasan perumahan murah umpamanya?

Begitu juga, satu masalah lagi yang dihadapi di Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan ini mengenai, penempatan berkelompok ini ialah mengenai kawasan-kawasan rumah pangsa umpamanya. Saya telahpun difahamkan kawasan Selangor Mansion. di Jalan Masjid India, tidak dapat dipecahkan, tidak dapat dimajukan semula, oleh kerana terdapat beberapa orang pemilik kawasan rumah berkenaan, rumah-rumah pangsa yang memiiiki strata title tidak bersetuju rumah-rumah ini dirobohkan. Walaupun, boleh dikatakan 98% pemilik-pemilik yang lain, bersetuju, tetapi oleh kerana dua pemilik strata title yang memiliki Flat Selangor Mansion. ini tidak bersetuju untuk dirobohkan, projek itu telahpun tergendala dan Selangor Mansion telahpun menjadi, dengan. izin, sebagai "eyesore' di Kuala Lumpur ini.

Jadi, saya berharap perhatian juga diberikan oleh pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan. Koperasi mengenai dua masalah yang telahpun saya sebutkan tadi iaitu. masalah-masalah strata **title**, walaupun perkara ini terkeluar sedikit daripada Akta yang kita bincangkan, tetapi saya percaya masalan 'title' kawasan rumah murah adalah juga termasuk dalam bidang kuasa tanah.

Satu lagi perkara yang saya harapkan ialah hari ini. kita terpaksa berbincang hampir setengah **jam**, semata-mata -untuk membuat pindaan yaag begitu sedikit sekali. Dan apa yang kita harapkan ialah, pada masa-masa yang akan datang supaya sebelum sesuatu. Akta itu diluluskaa ataupun dibawa ke Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, ianya difikirkan dengan semasak-masaknya supaya kita tidak "perlu lagi, kerana dalam pengamatan saya sejak setahun saya menjadi Ahli Dewan. Negara, kadangkala saya dapati pindaan.-pindaan yany, hendak dibuat itu adalah terlalu kecil sangat. Saya masih ingat lagi mengenai Akta Pelabuhan Pulau Pinang dahulu ada terlupa satu patah perkataan sahaja, kita terpaksa membawa ke dalam Dewan. ini dan. kita Luluskan. tanpa bahas biasanya. Walaupun kami Ahli-ahli Dewan Negara tidak suka dan tidak berapa bersetuju kalau sebarang Akta **itu**. diluluskan. tanpa bahasa, tetapi apakan. daya kerana yang hendak diminta kita luluskan hanya semata-mata kerana ketinggalan satu perkataan, ianya terpaksa juga dibawa kedua-dua Dewan.

Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya setiap Akta yang hendak dibawa hendaklah difikirkan dengan semasak-masaknya tentang implikasi-implikasinya kerana kita mempunyai Pegawai Undang-undang

di tiap-tiap Kementerian pegawai Kerajaan yang saya percaya dapat memikirkan, dengan semasak-masaknya segala Akta yang hendak dibawa ke Dewan. ini.

Tuan Yang, di-Pertua, cuma itu sahaja pandangan yang dapat saya berikan mengenai Akta Kawasan Penempatan Berkelompok (Pindaan) 1992.

Dengan ini saya menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Saya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian menjawab.

4.15 ptg

• **Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk menyentuh sedikit tentang masalah yang berada di hadapan kita. Saya bersetuju bahawa iai adalah satu pindaan yang sedikit, dan ianya patut jugalah diluluskan dengan tidak banyak berbincang.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan pandangan atau pendapat saya tentang masalah ataupun sentuhan-sentuhan yang telah dibuat tadi.

Pihak Kementerian tidak mempunyai muslihat atau masalah-masalah lain. untuk meminda Akta **ini**, selain daripada apa yang saya tahu ialah untuk melicinkan pentadbiran Kementerian. Ini adalah untuk menjawab pertanyaan, daripada Tuan Haji Mohamed Nazri, kalau-kalau ada masalah lain yang tersirat, sebenarnya tidak. Cuma untuk menyelaraskan kerja-kerja Kementerian bahawa tanah adalah di bidang

kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, sspatutnya Kementerian itu boleh menyelesaikan semua masalah tanpa dibawa satu Kementerian lain. untuk berbincang bersama dan mengheret Kementerian itu untuk men.yelesaik.an masalah yang satu. Bolehlah saya sifatkan bahawa dua Menteri membuat satu kerja. Jadi, biarlan seorang Menteri sahaja yang membuat satu kerja, kerana Menteri yang lagi satu itu memang sudah tentu banyak dengan masalah-masalah yang lain pula.

Berkenaan dengan pertanyaan. dan Yang Behrormat Dato' Azumu, mengapa FELCRA dan FELDA di bawa ke Kementerian lain, yang ini saya minta maaf, saya tidak. dapat hendak memberi jawapanlah'. Ini adalah bidang kuasa Kerajaan mengatur kuasa-kuasa atau kerja-kerja untuk dibahagi-bahagikan kepada Menteri-menteri atau Kementerian-kementerian yang tertentu.

Dan berkenaan dengan pandangan daripada Yang 'Berhormat Tuan Rahim bin Baba, perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan di Kuala Lumpur. Saya ingin merujuk kepada apa yang saya kata dalam ucapan penggulungan saya dalam Akta yang dibincangkan. sebelum ini bahawa kita di Kementerian ini mengadakan undang-undangnya, sama ada pelaksanaan undang-undang ini adalah dalam tugas Kerajaan Negeri dan kalau di Wilayah Persekutuan, berkemungkinan, ia di pejabat Dato' Bandar Kuala Lumpur sendiri yang mentadbir penggunaan dan. segala aspek tanah di Wilayah Persekutuan ini.

Jadi, berkenaan dengan, pembangunan yang disebutkan itu, saya minta maaf tidak dapat menyentuh tentangnya kerana ini bukanlah dalam bidang kuasa Kementerian, Tanah dan Pembangunan Koperasi. Perkara yang lain, saya rasa tidak ada yang hendak diperbincangkan. Dan saya sekali. lagi mengucapkan, berbanyak-banyak. terima kasih kepada ketiga-tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah dengan ikhlas menegur dan memberi pandangan terhadap pindaan ini. Sekian.

Tuan. Yang di-Pertua: Ahli-ahli. Yang, Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakaa kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan. dipersetujukan.

Rang, Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan. Yang di-Pertua mempengerusikaa Jawatankuasa]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan. kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1992 DAN 1993)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun. 1992 dan. 1993 dan bagi memperuntukkan. wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang, Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah Ringgit Malaysia empat ribu lapan. ratus sembilan puluh lapan juta, empat ratus dua puluh dua ribu, enam ratus dua puluh Lima (RM4,898,422,625) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan. untuk. membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan. 1993 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang, ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1992 adalah berjumlah Ringgit Malaysia lima ribu tiga ratus juta, dua ratus tiga puluh empat ribu,lapan. ratus sembilan. puluh (^5,300,234,890). Dari jumlah ini sebanyak Ringgit Malaysia empat ribu lapan, ratus enam puluh juta, dua ratus dua puluh lapan ribu, lapan ratus dua puluh Lima (RM4,860,228,825) diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang- Undang-undang **ini**, manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak Ringgit Malaysia empat ratu.s empat puluh juta, empat puluh enam ribu, enam puluh lima (RM1440,046,065) adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini sebahagian besarnya adalah untuk dua tujuan. Pertama, untuk memindahkan sejumlah wang kepada kumpulan Wang Pembangunan.. Kedua, untuk menampung kurang peruntukan bagi membiayai Sistem Saraan Baru kakitangan awam yang berkuatkuasa bermula pada 1hb Januari tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM4,038 juta di bawah Maksud B.30 iaitu, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk membiayai perbelanjaan berikut adalah diperlukan:

- (i) sebanyak RM4.000 juta untuk.- dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan;
- (ii) sebanyak RM34 juta untuk. diberikan sebagai pinjaman. Kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berikutan KTMB diperbadankan. pada 1 Ogos tahun lepas yang mana syarikat tersebut dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan);
- (iii) sebanyak RM4 juta adalah diperlukan bagi Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan. Berkanun. dan iain-iain Badan untuk diberikan. sebagai pinjaman kepada Amanah Saham Anak Langkawi iaitu sebuah badan yang ditubuhkan khusus bagi. menceburi beberapa bidang tertentu di Langkawi bagi memastikan bahawa kegiatan-kegiatan di Langkawi juga mendapat dinikmati faedahnya oleh anak-anak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM175.5 juta di bawah Maksud B.25 iaitu Kementerian Perctahanan adalah diperlukan untuk menampung bayaran. tunggakan gaji dan gaji. baru Sistem Saraan Baru (SSB).

Tambahan sebanyak RM135.9 juta di bawah Maksud B.36 iaitu Polis DiRaja Malaysia adalah diperlukan;

- (i) Untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB sebanyak RM119.9 juta;
- (ii.) sebanyak RM16 juta untuk menampung tuntutan elaun perjalanan, elaun kerana menjalani arahan pertukaran bagi pegawai dan kakitangan serta perbelanjaan tambahan bagi menjamin keadaan kenteteraman awam, keamanan dan keselamatan negara berkekalan.

Tambahan sebanyak RMJ.10.5 juta di bawah Maksud B. 34 bagi Kementerian Kesihatan adalah diperlukan;

- (i) sebanyak RM99 juta untuk membiayai bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB;
- (ii) sebanyak RMH.5 juta untuk bekalan ubat, Kursus induksi bagi pelatih-pelatih yang telah menamatkan latihan asas, kenaikan sewaan ruang, pejabat bagi Ibu Pejabat Kementerian dan pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM108.8 juta di bawah Maksud B.29 iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM76.6 juta diperlukan bagi menghapuskira pinjaman yang telah diberikan kepada Sabah Gas Utilisation Project (SGUP) berikutan keputusan supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih syarikat tersebut

yang diambilalih pada tahun lalu daripada Kerajaan Negeri Sabah.

- (ii) sebanyak RM11.5 juta untuk membayar pampasan kepada MARDEC berikutan keputusan Kerajaan menutup Kilang MARDEC di Durian Tunggal, Melaka pada bulan Januari, tahun lalu;
- (iii) sebanyak, RM20.7 juta bagi menampung . kekurangan peruntukan pemberian kepada negeri-negeri bagi membiayai 50% kos pengurusan Jabatan-jabatan di bawah senarai bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM68.1 juta diperlukan di bawah Maksud B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru. SSB bagi Jabatan dan Badan-badan Berkanun, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tambahan sebanyak RM57.9 juta di bawah Maksud **B.7**, Jabatan Perdana Menteri diperlukan untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial.

Tambahan sebaayak RM34.9 juta di bawah Maksud B.18, Kementerian Perusanaan Utama diperlukan. bagi;

- (i) sebanyak RM29.0 juta untuk menampung sumbangan Malaysia kepada Akaun Stok Penimbal "international Natural Rubber Organisation" (INRO) dengan tujuan bagi menstabilkan harga getah;
- (ii) sebanyak RM600,000 untuk menampung defisit belanjawan Lembaga Pemasaran uan Pelesenan Getah Malaysia;
- (iii) sebanyak RMM900,000 untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB bagi Institut Penyelidikan Getah Malaysia; dan
- (iv) sebanyak RM4.4 juta • untuk menampung bayaran pencen, tunggakan gaji dan gaji baru SSB bagi kakitangan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia.

Tuan yang di-Pertua, peruntukan tambahan sebanyak RM14.4 juta juga diperlukan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat iaitu B.56 untuk tujuan-tujuan berikut:-

(i) RM10.6 juta bagi melaksanakan pelbagai aktiviti di bawah Program Dalam Komuniti dengan tujuan membantu dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta perlindungan kepada kanak-kanak, remaja dan orang tua;

(ii) sebanyak RM3.8 juta bagi menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SS3 termasuk kakitangan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara dan bayaran caruman kepada "International Planned Parenthood Federation".

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM14.3 juta di bawah Maksud B. 14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperlukan bag-i menampung bayaran sumbangan membantu kadar kepada Pengguna Tempatan oleh Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Tambahan RM13.3 juta di bawah Maksud B. 51 - Kementerian Luar Negeri diperlukan untuk tujuan berikut:

- (i) RM7.3 juta bagi menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB;
- (ii) sebanyak FM6 juta untuk menampung perbelanjaan menghadiri persidangan dan lawatan ke luar negeri dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Tarabahan RM13 juta di bawah Maksud B.19 - Kementerian Pertanian diperlukan bagi:

- (i) sebanyak RM9.0 juta menampung bayaran tunggakan

gaji dan gaji baru bagi Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Perikanan; dan (ii) sebanyak RM4.0 juta untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB bagi Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU dan juga Lembaga Pemasaran Pertanian, FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan RM10.4 juta di bawah Maksud **B.47** - Kementerian Pengangkutan diperlukan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) RM4.4 juta untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB bagi Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (ii) RM6.0 juta bagi menampung perbelanjaan mengurus Badan Kawalselia Penerangan Awam berikutan penswastaan Lapangan Terbang Jabatan Penerangan Awam mulai November tahun lepas.

Tambahan RM9.9 juta di bawah Maksud **3.40** - Jabatan Penjara diperlukan bagi menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SS3.

Tuan Yang di-Pertua, Kemencerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, iaitu B.46 diperuntukkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM9.1 juta untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) RM5.9 juta untuk menampung bayaran tunggakan gaji bagi kakitangan yang baru dilantik;
- (ii) sebanyak RM3.2 juta untuk menampung kenaikan kadar sewaan ruang pejabat bagi Ibu Pejabat Kementerian dan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Terengganu/Kelantan dan sewaan ruang pejabat baru cawangan Kedah/Perlis dan Melaka/Negeri Sembilan.

Tambahan sebanyak RM7.5 juta di bawah Maksud **3.43** - Kementerian Undang-undang adalah diperlukan untuk:

- (i) RM6.7 juta juga untuk membayar tunggakan gaji dan gaji baru SSB;
- (ii) RM800.000 untuk menampung kanaikan sewaan ruang pejabat di Bangunan Plaza Perangsang, Shah Alam, pembelian buku undang-undang dan peningkatan sistem komputer di Jabatan Pemegang Harta.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM6.4 juta di bawah Maks.ud 3.31 - Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja diperlukan juga untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji-baru SSB.

Tambahan RM5.0 juta di bawah Maksud 3.37 - Jabatan Imigresen diperlukan:

- (i) RM2.9 juta untuk menampang bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB;
- (ii) RM2.1 juta untuk menampung perbelanjaan percetakan dokumen keselamatan, peningkatan kawalan keselamatan dan pembelian peralatan komputer di Lapangan Terbang Subang.

Tarabahan RM5 juta di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri diperlukan untuk menampung bayaran tunggakan gaji dan gaji baru SSB.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang lain sebanyak RM22,358,000 diperlukan untuk membiayai perbelanjaan pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud B.1 - Parlimen; B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya; B.6 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan; B.10 - Jabatan Peguam Negara; B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa; B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba; 3.17 - Kementerian Belia dan Sukan; B.23 - Jabatan Arkib Negara; 3.26 - Kementerian Pendidikan;

3.33 - Kementerian Perusahaan Awam; **5.38** - Jabatan Pendaftaran Pertubuhan; **B.41** - Jabatan Pertahanan Awam; **B. 42** - Jabatan Percetakan Negara; **B.45** - Kementerian Sumber Manusia; **B.52** - Kementerian Kerja Raya; dan **B.52** - Jabatati Hal Ehwal Orang Asli.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keerapat, 1992 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah (14) tahun 1993 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah (14A) tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tarabahan Pertama, 1993. Tadi saya ceritakan tentang beberapa butir utama mengenai tambahan yang diperlukan dalam Belanjawan Tahun 1992, sekarang kita pergi kepada Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1993 yang diperlukan berjumlah RM52,293,800. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM38,193,800 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang **ini**, manakala baki iaitu RM14,100,000 adalah Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah untuk tarabahan sebanyak RM29 juta di bawah Maksud **B.50** - Kementerian Perusahaan Awam untuk Tabung Pemberian ataupun Endowment Fund yang ditubuhkan iaitu German-Malaysia Institute bagi membolehkan Tabung ini beroperasi mengikut keadaan pasaran. Tabung ini d-itubuhkan bagi melatih pekerja-pekerja mahir di Malaysia khususnya bagi menenuhi keperluan sektor pembuatan yang kian pesat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak BM-6.7 juta di bawah **B.22** - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai sumbangan

kepada Kerajaan Persekutuan kepada Muzium-muzium Negeri atas dasar perbelanjaan mengurus Muzium-muzium Negeri tersebut ditanggung secara bersama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Peruntukan Tambahan yang lain sebanyak RM2,515,000 untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud B. 16 - Jabatan Bomba dan B.56 - Kementerian Perpaduan Negara dan Permbangunan Masyarakat.

Butir—butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1993 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1993 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah (L5A) Tahun 1993.

Taan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan, Tuan Haji Mohamed Nazri.

4.37 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993.

Saya rasa mendengar daripada penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, sebenarnya kita dalam Dewan ini tidak ada pilihan,melainkan untuk sokong kerana

sebahagian besar daripada tarabahan ini yang diberikan ialah untuk kenaikan gaji, tunggakan gaji dan juga gaji baru di bawah SSB. Jadi, saya berharap dengan pengorbanan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memberikan kenaikan gaji dan membayar tunggakan kepada pihak-pihak yang tertentu, maka kita berharap bahawa di sektor awam akan lebih menunjukkan kerja yang lebih memberangsangkan seperti yang ada sekarang. Tetapi bila gaji sudah naik itu, saya ingat dan saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan tidak akan lupa kepada jasa Kerajaan dalam memikirkan untuk kenaikan pangkat mereka,

Tuan Yang di-Pertua, 3.7 - Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan RM57 juta dan di mana telah saya sebut sebentar tadi, sebahagian besar ialah untuk membayar tunggakan gaji dan juga kenaikan gaji baru SS3 ini. Saya berharap bahawa segala apa yang telah diberikan iai akan memastikan supaya perjalanan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini akan berjalan dengan baik kerana ia merupakan satu Jabatan yang penting. Oleh kerana itulah kita mengharapkan bahawa banyak persoalan yang dibangkitkan oleh kita ini akan mendapat sokongan daripada mereka supaya tidak mengambil sebagai remeh-temeh apa yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negara dalam Dewan ini.

Saya berkata tentang perkara ini karana pada hari pertama dua minggu yang dahulu apabila kita mengadakan mesyuarat kita pada ketika itu bagi membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya telah membangkitkan masalah Syeikhul Arqam yang mana dalam masa setengah jam saya memberi hujah dan berucap, saya menceritakan tentang betapa seriusnya bahawa Jabatan Perdana Menteri harus melihat perkara ini.

Tetapi apa yang mendukacitakan saya jawapan yang telah diberikan sebagai jawapan kepada hujah saya ialah iaitu bahawa Kerajaan tidak boleh mengharamkan gerakan Arqam ini kerana ia tidaklah merupakan satu badan yang didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Saya rasa jawapan ini adalah satu jawapan yang amat mendukacitakan. Sebab soal haram ini kepada pegawai Kerajaan yang memberi jawapan kepada Setiausaha Parlimen untuk menjawab seolah-olah tidak memahami apakah masalah yang sedang kita hadapi pada ketika ini. Soalnya bukan soal sama ada persatuan itu didaftar ataupun tidak. Soalnya ialah soal aqidah yang boleh menyelewengkan pemikiran orang-orang Islam kita kalau sekiranya kta tidak mengambil satu tindakan yang tegas terhadap gerakan ini.

Jadi jawapan yang mengatakan iaitu bahawa "ia tidak daftar maka kita tidak boleh haram"; saya rasa kalau jawapan macam ini kalau saya jawab balik pada ketika itu akan memalukan Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen yang menjawab pada hari **itu**. Sebab, saya ingin bertanya kepada mereka yang telah memberi jawapan itu - gerakan Qadiani - ia tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, tetapi ia diharamkan. Kita tidak melihat lagi aktiviti Qadiani ini berjalan di dalam negara kita. Jadi kalau jawapan kepada perkara yang telah saya bangkit dahulu iaitu bahawa Arqam ini tidak boleh diharamkan kerana ia tidak didaftarkan, padiani juga tidak didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan kita tetapi kita haramkan. Kita tutup segala masjid-masjid dan juga pejabat-pejabat yang mana ada Persatuan Qadiani di dalam negara kita. Sebab itu pergerakan

Qadiani ini walaupun tidak didaftarkan sebagai satu pertubuhan tetapi dia merupakan fahaman yang diharamkan. Soal yang hendak kita haramkan ini bukan pertubuhan. Fahaman. Fahaman Qadiani.

Fahaman Qadiani mendakwa bahawa pengasas mereka Al-Mahdi, itu tidak boleh diterima oleh kita dan kita haramkan. Yang kita hendak haramkan ini fahaman. Bukan kita hendak haramkan pertubuhan **dia**. Apabila kita haramkan fahamannya maka segala bentuk aktiviti, segala pejabat, segala masjid yang ditubuh oleh gerakan Qadiani diharamkan dalam negara kita.

Begitu juga dengan Syiah. Saya percaya dalam negara Malaysia kita, Syiah ini kita tidak benarkan ia berkembang dalam tanahair kita. Sebab ia bercanggah dan tidak sama dengan Sunnah-wal-Jamaah - yang empat mazhab **itu**. Sebab itu Syiah dalam negara kita ini tidak dibenarkan untuk berkembang. Tidak ada masjid Syiah di sini. Kalau sekiranya ada usaha-usaha untuk memperkembangkan fahaman Syiah ini maka kita akan segera mengambil tindakan untuk memastikan ia diharamkan. Jadi di sini sekali lagi soalnya bukan pertubuhan - fahaman. Fahaman Syiah.

Begitu juga Yahudi. Yahudi tidak dibenarkan, siapa sahaja yang mengatakan dirinya Yahudi dia tidak dibenarkan menapak di atas bumi negara Malaysia kita. Kita tidak perlu tunggu dia hendak mendaftarkan pertubuhan Yahudi di negara kita. Tetapi kita telah haramkan dia.

Jadi, persoalan saya di aini ialah jangan-bagi jawapan semata-mata untuk melepaskan batuk di tepi tangga sahaja. Tolong fahami maksud apa yang disebut oleh Ahli Dewan supaya jawapan kepada soalan kita itu ialah satu jawapan yang munasabah. Ini saya mahu sebab soal Arqam ini soal yang serius. Qadiani kita haramkan kerana kita

tahu iaitu bahawa ia akan memesongkan pemikiran kita, pemikiran orang Islam kita sebab itu kita haram. Arqam ini juga sama. Dia akan memesong pemikiran orang-orang Islam kita dan lebih merbahaya pada hari ini kerana apa? Sebab pegawai-pegawai dari Kementerian kata dia tidak daftarkan dia punya pertubuhan, maka dia dibenarkan bergerak. Dia bebas bergerak. Di Batu Hampar, di merata tempat. Ada perkampungan dia. Hari ini dia ada buat dia punya masjid. Daripada kecil lagi dididikkan fahaman Arqam ini iaitu bahawa "Syeikhul Arqam itu iaitu'Ashaari ialah Al-Mahdi" yang sudah pada hari ini boleh berkata-kata dengan Allah s.w.t. Jadi, saya mintalah Jabatan Perdana Menteri ambil serius perkara ini dan jangan bagi jawapan sepertimana yang telah dijawab oleh Setiausaha Parlimen pada dua minggu -yang lepas. Saya tidak boleh terima jawapan **itu**. Seolah-olah....

Puan Hajjah Rahaiah binti Baheran; [Bangun]

Timbalan Yang di-pertua: Tuan Haji Mohamed Nazri, dia minta laluan. Boleh ya?

Puan Hajjah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, sebab disebut tadi Batu Hampar Dalam. Saya ingin bertanya bahawa sedarkah beliau bahawa di Batu Hampar Dalam itu adalah satu pusat Arqam yang agak berkesan kerana bila di kampung yang berhampirannya itu tidak mendapat guru daripada Majlis Agama bahawa Arqam telah menawarkan diri dan telah mengajar di kampung tersebut. Jadi inilah saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan,

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya sedar perkara ini berlaku. Bila tidak cukup guru-guru maka mereka menawar, mereka bergerak seolah-olah fahaman mereka itu tidak salah. Dia menawar untuk memberikan ahli dia sebagai guru agama dan bayangkanlah kalaualah Jabatan Agama Islam Negeri Perak terima, maka fahaman yang akan diberikan oleh guru-guru ini ialah fahaman Arqam dan ia amat membahayakan. Arqam ini dia menular, dia sudah bergerak di merata tempat, Di tempat-tempat yang strategik fahaman ini telahpun berkembang dan kalau kita tidak jaga maka saya merasa di masa yang akan datang kita akan menghadapi masalah yang besar. Iaitu masalah perbezaan fahaman di antara Islam yang kita anuti sekarang dengan fahaman Arqam yang mengatakan iaitu bahawa "Ashaari itu- adalah Al-Mahdi yang sudah boleh berkata-kata dengan Allah s.w.t."

Jadi, saya minta Jabatan Perdana Menteri jangan beri jawapan seperti apa yang telah diberikan kepada saya dua minggu yang lalu kerana ini satu jawapan yang sungguh mendukacitakan dan tidak masuk akal pemikiran. Pengharaman itu ialah pengharaman fahaman, bukan pengharaman kepada pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di bawah B.36 iaitu Polis Diraja Malaysia membelanjakan lebih kurang RM135 juta. Sekali lagi bahawa sebahagian besarnya peruntukannya ialah untuk membayar gaji. Saya percaya iaitu bahawa memang anggota Polis telahpun menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik dan saya berharap iaitu bahawa kerja yang baik yang telah dilakukan oleh mereka itu mestilah disusuli dengan sokongan daripada pihak Kerajaan, Maksud saya di

sini iaitu bahawa kalau tnereka-mereka yang mana telah ditangkap atas kesalahan seperti penyeludupan sebagai contoh. Apabila orang itu menyeludup, maka saya harap bila Polis tangkap, maka Kerajaan sokonglah usaha mereka ini. Ini soal penyeludupan senjata apilah. Ini ada kaitan juga dengan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada beberapa hari yang lepas yang mana dia kata kepada saya iaitu bahawa apabila seseorang itu telah ditangkap kerana penyeludupan senjata api, maka saya tanya kepada dia iaitu bahawa sama ada Kerajaan hendak dakwa di bawah kesalahan penyeludupan ataupun dakwa di bawah kesalahan mempunyai senjata api tanpa kebenaran yang boleh tnembawa kepada hukuman gantung. Benda ini serius. Kalau Kementerian jawab iaitu bahawa kita sebelum hendak mendakwa seseorang itu di bawah, "Unlawful Possession of Firearms", dengan izin kita mesti pastikan iaitu bahawa dia memegang senjata itu dengan tujuan yang tidak baik. Apakah kita hendak kata iaitu bahawa penyeludup **itu**, dia bawa masuk senjata api dalam negara kita, maka dia pegang senjata, possession of the firearma, dengan izin **itu**, dia ada niat yang baik? Memang tidak boleh disyak lagilah kalau penyeludup bawa masuk senjata api dalam negara kita dan ditangkap dan apabila ditangkap senjata api itu di bawah kuasa penyeludup itu, maka sudah tentulah niatnya itu bukan niat yang baik.

Memang niat tidak baiklah. Orang yang mempunyai niat baik tidak mahu akan menggunakan senjata api melainkan dia ada kebenaran, maknanya lesen.

Kalau kita, Tuan Yang di-pertua, ada senjata **api**, itu kerana apa? Kerana ada lesen dan juga hendak mempertahankan diri. Itu niat baik. Tetapi bagi penyeludup ini yang telah ditangkap membawa senjata api masuk ke dalam negara kita, yang ini kita hendak katakan dia ada niat yang baik, saya ingat Kementerian Dalam Negeri tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan "niat tidak baik" itu. Penyeludup, apabila dia menyeludup, maknanya tidak baiklah. Dan penyeludup, dengan izin, tidak ada business untuk mempunyai senjata-api dalam tangannya melainkan dengan niat yang tidak baik. Sebab itu, dalam soal bagi membantu kerja baik yang telah dilakukan oleh Polis kita dalam menangkap penyeludup ini, maka harus disusuli dengan satu tindakan yang serius yang harus diambil oleh kita. Maka di antara untuk mendakwa dia di bawah kesalahan penyeludupan yang dengan soal hendak mendakwa dia dengan "illegal possession of firearms", dengan izin, maka saya kira iaitu bahawa Kerajaan jangan fikir lagilah. Kerana hendak dakwa soal penyeludupan **ini**, dia punya hukuman itu adalah lebih ringan kalau dia didapati salah. didakwa di bawah "illegal poasession of firearms", dengan izin.

"Illegal possession of firearms", dengan izin, kalau didapati salah gantung, gantung dia terus, peduli apa kita. Sebab kalau dia menyeludup, kita tangkap, dia masuk jail satu tahun, tiga bulan dia keluar, dia menyeludup lagi. Walhal kita tidak dapat tangkap dia tadi, dia bawa masuk senjata api ini, banyak perkara pembunuhan yang sudah tentu boleh berlaku kalau kita tidak tangkap dia tadi, Sebab itu, penyeludup yang membawa senjata api masuk ke dalam negara kita, kalau ditangkap dan senjata api itu di dalam penguasaan penyeludup itu, maka kita gantung dialah. Dakwa dia, didapati salah, kita kena gantung dia. Jangan ada pertimbangan lain sama ada kita hendak dakwa dia di bawah senjata apakah ataupun hendak dakwa di bawah kesalahan penyeludupan. Jadi, saya mahu pendirian tegas daripada pihak Kementerian dan dalam hal ini bantu pula kerja baik yang dibuat oleh Polis ini dengan disusuli dengan satu tindakan yang keras terhadap penyeludup yang telah membawa masuk senjata api dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.56 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, kita belanja- RM14 juta. Saya percaya bahawa dalam hal perpaduan negara ini, kita belanja duit lebih pun tidak apa sebab apa pada negara kalau tidak ada perpaduan. Kita tengok sahajalah apa yang berlaku di Sri Lanka disabitkan oleh kerana perbezaan agama di antara orang Sinhala yang beragama Buddha dengan orang-orang Tamil yang beragama Hindu. Dan kerana Sinhala itu menjadi majoriti dan merasakan iaitu bahawa mereka harus impose, dengan izin, kehendak mereka terhadap golongan minoriti,

maka apa yang berlaku ialah perperangan yang telah berjalan dengan lebih dahayat, pembunuhan dilakukan di peringkat paling atas, dari bawah sampai ke atas dan masih pada hari ini telah lebih daripada 10 tahun, belum masalah itu dapat diselesaikan.

Jadi, gaya rasa perpaduan negara memang penting. Sebab **itu**, saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kita yang mempunyai satu wawasan yang begitu jauh yang mana mahu melihat akan berlaku satu penyatuan bangsa Malaysia pada tahun 2020. Ke arah usaha itu, kita harus mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kalau dia merupakan seorang pemimpin sepertimana pemimpin-pemimpin Sinhala memikirkan itu, bahawa orang-orang bumiputera dan Melayu merupakan majoriti di negara kita **ini**, kalau kita menekan orang yang golongan minoriti, kita juga menghadapi masalah yang sama. Tetapi oleh kerana kebijaksanaan pucuk pimpinan kita, walaupun kita majoriti tetapi kehendak hati kita **itu**, kita tidak paksa terhadap minoriti, maka sebab itu pada hari **ini**, negara kita begitu aman dan damai. Sebab **itu**, kita kena sokong Kerajaan **ini**. Sebab kalau sokong macam Kerajaan PAS, apa dia hendak buat, dia tidak kira. Lantak pergila orang Siamkah, orang apakah ke negeri Kelantan itu kalau dia bukan Islam, dia tidak penting, saya ingat pada satu hari nanti, jangan kemungkinan besar akan berlaku. Apa yang akan berlaku ialah perasaan tidak puas hati ini akan membara dan akan membawa kepada satu demonstrasi, mungkin yang akan berlaku di negeri Kelantan kalau sekiranya ditekankan tentang mereka yang

datang daripada agama yang lain. Kita jangan tekan agama lain walaupun kita majoriti. Sebab **itu**, kefahaman atau pemikiran yang dibawa oleh Barisan Nasional ialah yang moderate. Ini adalah penting.

Jadi, dalam hal **ini**, saya ingin mencadangkan seperti kawan saya, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, dia daripada Sarawak - tetapi kawan saya daripada Sabah ini tidak ada, dia tidak datang - saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya meraikirkan iaitu mengapa tidak apabila tiba kepada hari kebesaran orang-orang Dayak, iaitu Hari Gawai dan juga kepada hari besar iaitu "Harvest Festival" orang Kadazan iaitu Hari Keamatan. Pada ketika **ini**, hari-hari besar mereka itu hanya diisytiharkan sebagai cuti umum negeri sahaja. Saya merasakan bahawa untuk integrasi nasional, mengapa tidak iaitu hari besar bagi orang Iban - Hari Gawai, hari besar untuk orang Kadazan - Hari Keamatan ini juga dijadikan sebagai cuti umum di peringkat kebangsaan. Kalau tidak dijadikan sebagai cuti di peringkat kebangsaan, maka kita tidak akan tahu bahawa orang Iban, orang Kadazan ada menyambut hari besar mereka. Dan untuk melaku adil kepada mereka itu kalau kita lihat. Kalau pada hari besar Cina, raya-raya Cina dan juga hari besar India - Deepavali yang merupakan juga golongan minoriti yang besar, kita menyambut dengan cuti di seluruh tanahair kita. Dan bukan setakat itu sahaja, malah ada hari-hari lain orang-orang Cina dan orang-orang India yang dianggapkan sebagai cuti nombor dua, nombor tigalah. Deepavali - nombor satu,mungkin Thaipusam - nombor dua. Hari Raya Cina - nombor satu,

kemudian ada Wesak - nombor dua. Cuti yang nombor dua ini pun dijadikan sebagai cuti kebangsaan di seluruh negara. Yang ini cuti besar yang pertama untuk orang-orang Dayak dan orang-orang Kadazan, itu tidak menjadikan cuti nasional. Apabila tidak jadi cuti nasional, maka kita tidak tahu. Apabila kita tidak tahu, maka inilah yang berlaku yang mana persefahaman tidak wujud, walaupun kita telah merdeka semenjak tahun 1963 tetapi sampai hari **ini**, kita merasa iaitu bahawa Sarawak dengan Semenanjung, Sabah deagan Semenanjung adalah kumpulan yang berasingan. Dan saya percaya bahawa kita jadikan cuti mereka ini sebagai cuti umum di peringkat kebangsaan, sudah tentulah Yang Berhormat Datuk Leo Moggie, kalau pada Hari Gawai, dia akan buat "open house" dan kita akan pergi ke rumahnya. Begitu juga kalau ada Menteri-menteri Kadazan ataupun Timbalan Menteri Kadazan - tetapi malangnya tidak ada sekarang fasal dia tidak masuk Barisan Nasional tetapi dahulu ada - jadi, pada Hari Keamatan mereka juga, kalau ia merupakan cuti umum, kita semua cuti, dia mengadakan rumah terbuka, kita pergi ke rumahnya. Saya merasakan bahawa untuk perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan keturunan di tanahair kita **ini**, maka mana-mana keturunan yang merupakan majoriti ini di mana-mana negeri, maka haruslah hari cuti mereka itu dianggapkan sebagai cuti nasional supaya kita dapat memahami asal-usul mereka, kita memahami latarbelakang mereka. Dan dengan memahami latarbelakang mereka dan mereka telahpun memahami latarbelakang kita kerana cuti kita.pun cuti kebangsaan di negeri mereka apabila kita ada Hari Raya, maka apabila ada perkara

persefahaman di antara satu sama dengan lain **ini**, maka sudah tentulah integrasi nasional ini dapat kita percepatkan. Jadi, cadangan saya ialah supaya Kerajaan atau Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memikirkan itu apa tidak kalau boleh dijadikan supaya hari cuti Dayak - Hari Gawai dan hari cuti Kadazan - Hari Keamatan ini dijadikan sebagai cuti umum di peringkat kebangsaan.

Baru-baru **ini**, kita lihat iaitu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malayaia kita telah pergi ke Kota Kinabalu untuk mengadakan satu perjumpaan menyambut "Harvest Festival". Saya kira ini sebagai satu perintis kepada cadangan saya tadi yang mana saya rasa Perdana Menteri juga merasakan perlu untuk beliau bertemu dengan masyarakat Kadazan pada ketika mereka menyambut "Harvest Festival" pada 30hb Mei, 1993 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara B.40 juga kita bayar RM9 juta. Memanglah kita tengok iaitu bayaran untuk tunggakan dan kenaikan gaji. Saya tengok di sini bahawa kadangkala saya tengok, mereka yang dipenjarakan ini, banduan-banduan ini kadangkala kita merasakan seolah-olah, oleh kerana mereka duduk di dalam penjara ini mereka mendapat semualah; pakaian dapat dan makanan mereka dapat, Kadangkala kedudukan mereka ini lebih baik daripada orang yang tidak membuat kesalahan. Maksud saya di sini, kalau ada orang membuat kesalahan yang bukan membunuh katakanlah, membuat kesalahan yang menyalahi undang-undang, dia masuk ke dalam, dia diberi layanan yang lebih baik daripada orang yang tidak melakukan kesalahan di luar. Maksud saya di sini, iaitu bahawa banduan-banduan yang duduk di dalam penjara ini seharusnya tidak diberikan mereka ini, makan free dan pakaian yang mereka dapat itu juga free.

Saya merasakan bahawa mereka harus membiayai perbelanjaan yang dibuat terhadap mereka. Kalau kita bertanya kepada Jabatan Penjara, sudah tentu kita tengok bahawa bayaran adalah begitu besar untuk upkeep the prison, dengan izin. Bayaran begitu besar untuk menyediakan makanan bagi banduan-banduan, untuk kesihatan banduan-banduan dan untuk menjaga penjara. Jadi, belanjanya besar. Banduan mesti memastikan bahawa dia mesti macam rakyat yang lain. Rakyat yang lain, untuk mendapatkan sesuatu mesti bekerja. Kita

tidak mahu banduan ini apabila dia ditangkap, kita letakkan di dalam jel, maka kita tanggung dia. Dia tidak perlu kerja dan dia tidak perlu buat apa-apa.

Malah kita dengar bahawa di Amerika Syarikat ada seorang Senator di sana, marah kepada negara China kerana telah menggunakan banduan ini untuk membuat kerja-kerja bagi tujuan menjualkan hasil daripada kerja-kerja yang dibuat oleh banduan-banduan ini. Saya rasa bahawa tidak salah kalau sekiranya banduan-banduan ini kita suruh dia bekerja. Dia mesti bekerja!

Pertamanya, apa pasal kita mesti tanggung orang telah melakukan kesalahan? Beri dia makan free, duduk free dan petang-petang dia dilepaskan di padang, untuk membuat "exercise" sahaja. Lepas itu sampai masa beri makan, lepas itu disuruh duduk. Tidak buat apa-apa.

Saya rasa hari ini pun dengar bahawa penjara kita sudah tidak mencukupi kerana banduan ini talah melebihi jumlahnya. Oleh kerana **itu**, saya merasakan bahawa banduan-banduan ini mesti kita gunakan tenaga mereka. Kalau dia duduk di dalam, maka dibolehkan macam apa yang Kerajaan hendak buat iaitu mereka dibolehkan bekerja dengan kilang-kilang. Saya rasa ini patut kita buat, melainkan hard-core criminals, dengan izin. Sebab kalau yang pembunuhan, yang itu pun kita tidak sanggup juga hendak suruh dia keluar bekerja, kita pun tidak berani. Dia mesti duduk di dalam jel sebab nanti kalau dia terlepas, dia boleh lari. Tetapi yang lain-lain **itu**, macam yang

kena tahan kerana "assault" dan sebagainya, yang ini saya rasa boleh apa-apa kerja yang perlu buat, bawa ke dalam penjara dan suruh mereka buat.

Saya raahu satu dasar Kerajaan supaya banduan membiayai kehidupan hariannya, Jangan dia fikir dia masuk dalam dia duduk free sahaja. Makan free, elektrik free dan semua free! Dia mesti bayar sepetimana orang lain yang tidak melakukan kesalahan yang kena bayar untuk mendapatkan sesuatu. Banduan yang telah melakukan kesalahan, dia juga mesti bayar untuk menyarai kehidupannya sama ada bulanan, tahunan atau harian. Dia mesti buat.

Jadi, saya mahu supaya dijadikan sebagai satu dasar di mana banduan yang ditahan sama ada dia ditahan kerana dadahkah atau apakah, dia mesti disuruh bekerja. Bukan disuruh bekerja di luar, maknanya dari segi pembuatan, kerja-kerja itu boleh "dibawa di dalam jel. Bawa di dalam jel dan suruh dia buat kerja itu. Jangan dia rasa dia duduk free sahaja. Dia boleh melakukan kesalahan, dia duduk free sahaja di dalam **jel**. Dia mesti bekerja untuk membiayai kehidupannya.

Saya ingat ini satu perkara yang mesti ditekankan supaya kita berlaku adil kepada warganegara kita. Kalau tidak, yang buat kesalahan, makan free tetapi yang tidak buat kesalahan apa-apa, duduk di luar, hendak cari makan pun susah.

Jadi, untuk memperbetulkan keadaan yang tidak setimpal **ini**, maka saya ingin mencadangkan supaya setiap banduan yang dikenakan tempoh duduk di dalam jel, mereka mesti membiayai kehidupan mereka semasa tempoh di dalam jel itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Jumlahnya beaarlah RM110 juta. Tetapi tidak mengapalah, kerana banyak daripadanya ialah untuk membayar tunggakan. Tetapi saya juga berharap bahawa walaupun kita bayar besar untuk tunggakan gaji ini, saya ingat bayaran besar juga harus dibuat -tentang kemudahan Kementerian Kesihatan ini.

Saya tengok kedudukan hospital-hospital kita sungguh daif dan sungguh menyedihkan. Jadi, saya rasa selain daripada Kerajaan memikirkan untuk membayar gaji kakitangan dan membayar tunggakan, saya rasa tanggungjawab untuk memastikan kesihatan itu harus sampai kepada setiap rakyat tanpa membuat bayaran yang besar, harus juga difikirkan oleh Kerajaan.

Sebentar tadi, di peringkat awal sesi Dewan **ini**, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telah menjawab soalan berkenaan dengan sakit jantung. Saya dengar jawapan dia **pun**, saya punya jantung pun sakit. **[Ketawa]** Sebab, bila dia jawab dia kata, "kalau ada orang mari hendak dirawat sakit jantung, dia tidak dirawat secara automatik. Hendak ditanya dahulu sama ada dia boleh bayar ataupun tidak boleh bayar. Kena rujuk kepada Hospital Besar dahulu."

Jantung sudahlah sakit, suruh pergi ke Hospital Besar pula, hendak siasat sama ada dia layak atau tidak layak. Pergi ke Hospital Besar macam-macam kerena lagi. Bukan sahaja jantung sakit, hati lagi sakit!

Jadi, saya rasa bahawa kita mesti mengambil berat tentang kesihatan rakyat **ini**. Memang yang berkemampuan dia boleh bayarlah.

Memang dia mendapat khidmat yang baik. Mereka yang mampu bayar, pergi ke Tawakalkah atau pergi ke mana-mana hospital swasta yang ada di dalam negara kita ini dan mereka akan mendapat rawatan yang baik. Tidak apalah itu yang berkemampuan. Tetapi yang tidak mampu **ini**, semua berkenaan dengan "fulus" sahaja. Jadi, maknanya kalau seseorang itu apabila dia sakit, asasnya sama ada ada hendak dirawat ataupun tidak, itu soal duit.

Saya ingat ini satu suasana yang harus kitia perbetulkan. Jangan kita menghukum orang itu semata-mata kerana dia tidak ada wang, maka dia dihukumkan begitu, macam hukum marilah. Sebab, kalau jantung dia sudah sakit dan dia tidak berduit, tidak boleh hendak buat apa-apa.

Saya rasa bahawa Kerajaan harus memikirkan supaya rawatan yang harus diberi-kan berkenaan dengan sakit jantung ini, harus sampai kepada semua rakyat. Serangan penyakit jantung bukan kira orang ada duit atau tidak ada duit. Dia bukan attack yang kaya sahaja. Yang tidak kaya pun, apabila dia kena serang sakit jantung, dia sakit jantung juga.

Jadi, ini penting. Kita tidak mahu bahawa apabila sakit jantung ini - kita tahulah perbelanjaannya besar, tetapi walaupun perbelanjaannya besar saya merasakan bahawa Kerajaan harus memikirkan cara mana untuk kita mengatasi supaya orang yang sakit jantung ini walaupun tidak raampu, maka dia boleh dirawati. Ini kita kena fikirkan. Kalau kita sanggup belanja sampai RM110 juta untuk pembayaran gaji dan lain-lain, saya rasa kita mampu untuk memikirkan cara mana untuk kita mengatasi masalah orang yang sakit jantung, tetapi tidak mampu untuk membayar.

Mengapa tidak kalau kita kata kita adakan akim insuran yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan, khusus untuk sakit jantung. Kita jangan benarkan syarikat-ayarikat swasta buat, sebab kalau dia buat, bayaran bulanan itu menekankan rakyat biasa kita. Tetapi kalau Kementerian Kesihatan boleh keluarkan RM110- juta, saya rasa tidak ada masalah kalau kita beri katalah RM5 juta, RM6 juta khusus untuk mengadakan skim insuran. Dengan RM5 juta ini sebagai asas, tetapi mesti adalah tiap-tiap bulan, kata siapa yang risau dan bimbang bahawa satu hari nanti dia akah sakit jantung, daripada sekarang buatlah bayaran insuran RM5 sebulan. Maknanya Kerajaan buat skim insuran sakit jantung berdasarkan dengan memberi, katalah RM5 juta, RM6 juta sebagai wang dana untuk dia invest bagi memperbanyak lagi duit, maka dalam masa yang sama kita minta supaya skim ini diadakan dan siapa-siapa juga yang mahu membeli

insuran sakit jantung ini dia boleh beli. Kalau dia beli daripada masa dia bersekolah lagi, di sekolah dia bayar RM2 sebulan. Saya ingat KM2 sebulan itu tidak terlalu membebankan. Jadi, kalau kita ada skim ini

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan ya. Sila Yang Berhormat Hajah Zaleha.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan. Apakah dengan insuran dalam bentuk yang disarankan oleh Yang Berhormat Saudara Nazri tadi daripada kecil lagi ataupun daripada sekolah lagi, tidakkah itu akan menjadikan seseorang itu menyediakan dirinya ke arah sakit jantung atau bagaimanakah bentuk yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Saudara Nazri?

Timbalan Yang diPertua: Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mungkin tidak semestinya kita khususkan kepada sakit jantung. Hari inipun kita tahu kalau buah pinggan sakit pun, menderita. Kalau hendak beli mesin pun harganya RM25,000, dahululah; sekarang ini saya ingat mungkin lebih.....

Seorang Ahli: [Bangun daa keluar Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, ada satu laluan. Ah, bukan! Baik. [Ketawa] Sila.

Tuan Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebenarnya mungkin tidak khusus kepada sakit jantung. Mungkin persediaan itu dibuat untuk kemungkinan dilanda oleh apa-apa penyakit di masa yang

akan datang, supaya apabila sampai ketika kita sakit, maka walaupun katalah macam pembayaran hendak merawat dan bedah RM15,000, pada ketika itu dia sudah ada insuran, tak apa. Maknanya insuran akan bayar, sebab dia sudah beli insuran.

Jadi, kalau ada daripada segi Islam mungkin ada sesuatu yang tidak kena, saya rasa kita ada skim insuran. secara Islam, iaitu Takaful, boleh. Kita menggalak anak-anak muda kita dan warganegara kita supaya sediakan payung sebelum hari hujan, supaya apabila datang ketika dia aakit, maka tidak berbangkit lagi lah soal aama ada dia mampu atau tidak marapu. Pada ketika itu dia sudah ada Takaful, dia mampulah. Dia masuk sahaja memang tidak perlu difikirkan tentang pembayaran lagi. Jadi, kalau ini semua ada maka tidaklah cerita-cerita yang menyayatkan hati, seperti kata ada yang sedang menunggu, belum sampai turn dia, dia sudah meninggal dunia ataupun dalam masa kesibukan hospital hendak memastikan sama ada orang ini mampu atau tidak mampu, dalam ketika itu dia sudah meninggal dunia, sebab sakit jantung dia sudah advance.

Jadi, sakit jantung ini tidak boleh tunggu, Tuan Yang di-Pertua. Bila ada sakit jantung, kena rawat terus. Jadi, kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah ada pengalamankah?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sakit jantung tidak ada, tetapi sakit hati kadang-kadang adalah. [Ketawa] Sakit hati ada, dengan jawapan-jawapan yang diberi yang tidak memuaskan itu ada. Tetapi sakit hati belum sampai tahap sakit jantung. Sakit

jantung ini tidak boleh lama. Sakit jantung ini pengalaman yang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sakit jantung kena bedah

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kena bedah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sakit hati?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sakit hati, saya ingat belah sahajalah. [Ketawa] Yang itu bedah, dan yang ini belahlah, tak usah tunggu. Sebab kalau kita tunggu, menang bergaduhlah, sakit-sakit hati ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan dengan- serius memikirkan bahawa mencari satu cara bagaimana kita boleh mengatasi masalah yang mana penyakit yang memerlukan kepada rawatan yang memerlukan kepada pembayaran yang begitu tinggi harus difikirkan satu cara bagaimana kita hendak mengatasinya dan ini mesti dibuat dari sekarang, secepat mungkin. Kita tidak boleh hendak tunggu-tunggu, sebab penyakit ini tidak tunggu kita.

Sepertimana saya sebutkan tadi, sakit buah pinggang. Itu satu penyakit yang memerlukan wang begitu banyak kalau kita hendak merawatnya - mesinnya dan serbis tiap-tiap bulanan, jarumnya, macam-macam. Maka oleh kerana itulah saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya memikirkan dengan seriusnya untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi pada ketika ini yang mana kos untuk membiayai rawatan tentang penyakit ini adalah terlalu besar dan ini mesti diatasi sekarang, kerana ini melibatkan kebijakan rakyat jelata yang mana Kerajaan kita menjadi pembela kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga berkenaan dengan B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Terapatan yang telah diberi perbelanjaan tambahan RM14 juta. Di sini juga saya ingin bercakap bagi pihak mereka yang datang daripada golongan yang bawah yang memerlukan kepada rumah, dan sudah tentulah rumah yang diperlukan oleh mereka ini merupakan rumah kos rendah ataupun kos sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, orang golongan rendah sudah tentulah memang tidak mempunyai dana kewangan yang besar. Maka segala wang yang dia ada itu merupakan satu ikhtiar usaha yang telah mengeluarkan keringat dia sehingga dia dapat simpan wang untuk dia membeli rumah. Oleh kerana itu, saya merasakan bahawa Kerajaan mempunyai obligasi moral untuk memastikan supaya dalam soal perumahan ini janganlah, pertamanya, orang dari golongan rendah ini susah hendak cari duit. Bila dia cari duit pula, beli rumah, projek terbengkalai. Saya mengucap syabas kepada Kerajaan yang sepertimana telah dijawab sebentar tadi oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menyatakan iaitu 190 lebih projek terbengkalai yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi memulihkan projek-projek yang terbengkalai yang menelan belanja RM1 bilion lebih. Saya rasa bahawa Kerajaan tidak perlu untuk menyelamatkan projek ini dengan perbelanjaan yang begitu lebih kalau kita pasti dengan terlebih awal bahawa pemaju yang hendak memajukan rumah ini adalah merupakan pamaju yang boleh diterima.

Hari ini soalnya di sini, iaitu bahawa soal perumahan atau penempatan untuk memberi rumah ini adalah soal Kerajaan. Ini merupakan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan rumah-rumah yang boleh dibeli oleh rakyatnya. Oleh kerana soal pembelian rumah ini merupakan satu soal yang penting, maka oleh kerana itu saya hendak mencadangkan kepada Kementerian, supaya kita adakan Sistem Pendaftaran Syarikat-syarikat dengan Perbendaharaan, kalau mereka ingin berurus dengan Kerajaan, maka syarikat itu mesti didaftar dengan Perbendaharaan. Apakah tidak boleh kerana soal perumahan ini, merupakan soal atau tanggungjawab Kerajaan juga dan untuk memastikan supaya rakyat golongan berpendapatan rendah tidak dianiayakan oleh projek yang terbengkalai. Juga untuk mengelak dari pada Kerajaan menyelamat projek yang terbengkalai, dan terpaksa membelanjakan wang berjuta-juta untuk meneruskan projek ini, mengapa tidak di dalam Perbendaharaan juga ada sistem yang mana pemaju-pemaju harus mendaftar dengan Perbendaharaan, kalau sekiranya mereka hendak menjadi pemaju yang akan mendapat kontrak-kontrak untuk membuat skim rumah kos rendah.

Saya tidak bercakap tentang projek-projek Kerajaan. Sebagai contoh, katalah saya mempunyai tanah seluas 20 ekar dan saya mencadangkan iaitu supaya tanah saya ini dimajukan untuk projek rumah kos rendah. Dan menang kawasan itu Kerajaan hanya meluluskan

untuk perumahan kos rendah; jadi, apa yang perlu saya lakukan? Saya tidak perlu hendak mencari syarikat untuk memajukan tanah saya.

Apa yang perlu saya lakukan ialah saya berjumpa dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan memberi kelulusan seperti pecah lot dan sebagainya. Tetapi syarikat yang memajukan itu kita sudah **ada**, maknanya kita tidak bebas untuk **memilih** orang yang luar atau sesiapa sahaja untuk memajukan tanah kita. Kita hanya bebas untuk memilih di kalangan pemaju yang berdaftar dengan Perbendaharaan yang mempunyai rekod yang baik. Dengan cara itu bermakna bahawa setiap pemilik tanah akan mendapat keuntungan kerana dia tahu apabila tanahnya hendak dimajukan, maka peraaju itu merupakan pemaju yang berdaftar dengan Perbendaharaan. Ini bermakna pemaju itu adalah pemaju yang baik dan sudah tentulah pemaju itu tidak akan menterengkalaikan projeknya kerana dia merupakan seorang pemaju yang berdaftar dengan Perbendaharaan. Jadi, dengan cara itu, pertamanya pemilik dapat memajukan tanahnya dengan tanpa kebimbangan iaitu sama ada projek itu akan berjalan ataupun tidak.

Keduanya, yang membeli rumah dari projek rumah kos rendah **ini**, dia akan yakin iaitu bahawa segala wang yang disimpan ini untuk membeli rumah. Maka dia membeli rumah ini dan dia akan mempunyai keyakinan bahawa rumah itu akan diserahkan kepadanya apabila projek itu siap.

Pada ketika ini kita bimbang kalau pemaju ini kita tidak kenal, kita hendak beli rumahnya, kita pun teragak-agak, kalau tidak beli - tidak dapat rumah. Jadi, inilah yang saya fikirkan dan saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengadakan satu sistem yang mana pamaju juga harus berdaftar dengan Perbendaharaan supaya dapat memastikan segala projek yang hendak dimajukan haruslah diberikan kepada pemaju yang berdaftar ini sahaja. Dan pemaju yang berdaftar ini juga harus mengambil kontraktor yang berdaftar sahaja. Dengan cara ini semuanya terjamin, dan yang paling penting sekali ialah kalau kita hendak bela biarlah orang dari golongan berpendapatan rendah ini, yang terpaksa mengeluarkan wang yang banyak dan akhirnya mungkin kerana projek terbengkalai dia tidak dapat **apa**. Maknanya kalau dahulu dia tidak mendapat pendapatan yang tinggi, ia setakat boleh hidup sahaja, dan kerana projek perumahan yang dibeli ini terbengkalai, maka dia ditekan kepada tahap kemiskinan.

Jadi, cadangan saya ialah supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memikirkan kalau boleh kita mengadakan satu skim pemaju yang berdaftar sahaja dengan Perbendaharaan yang boleh memajukan tanah-tanah untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam. Perbelanjaan di bawah Maksud **B.15** dan **B.33** banyak wang yang telah diberi kepada" Kementerian Perusahaan Awam **ini**. Di mana di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini terletaklah satu organisasi yang bernama MARA, yang mana banyak menjalankan

pekerjaan untuk membantu bumiputera kita.

Saya ingin menyatakan di sini, bagi MARA yang penting dalam usaha kita untuk meningkatkan ekonomi bumiputera kita ialah menerusi pendidikan. Sebab itu dalam perbelanjaan kita, pendidikan merupakan satu sektor yang mana perbelanjaannya adalah tinggi. Dan pada hari ini kita lihat iaitu bahawa jasa MARA dalam pendidikan jelas kelihatan di mana-mana, seperti MRSM.

Pada ketika ini saya difahamkan iaitu di kebanyakan negeri sudah ada MRSM, kalau tidak silap saya kita sudah ada 13 buah MRSM. Dan MRSM ini mencatat satu....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Zaleha minta laluan. Adakah hendak tanya berkenaan MARA ini?

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: ... saya ingin mendapat penjelasan apabila disebut mengenai MRSM, kebetulan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri yang bercakap itu adalah Pengurus kepada MARA.

Saya hendak mendapatkan penjelasan apakah MRSM menang sebuah sekolah berasrama penuh, dan apakah MRSM telah dapat menampung pelajar-pelajar di luar bandar yang tidak mampu ke asrama penuh? Apakah satu keistimewaan yang dapat diberi kepada MRSM kepada pelajar-pelajar yang berada di luar bandar dengan kelulusan-

kelulusan yang diperolehi oleh mereka.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman ahli Dewan, syarat pertama untuk masuk ke MRSM mestilah penuntut itu datang daripada latarbelakang luar bandar - mesti luar bandar. Kalau sekolahnya merupakan sekolah yang ditakrifkan sebagai dalam bandar, jika kelulusannya baik macam manapun dia tidak akan dapat. Jadi, mereka yang datang daripada luar bandar sahaja yang boleh masuk ke dalam MRSM.

Soalnya kedua dari Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha bertanya iaitu apakah kita dapat menampung? Jawapanya 'tidak dapat'. Tidak dapat menampung kerana apa? Kerana rakyatnya ramai, rakyat luar bandar ini raraai dan MRSM cuma ada 13 buah. Jadi, kerana tidak dapat menampung, di sinilah hujah saya dalam Rang Undang-undang ini, saya ingin menyatakan iaitu bahawa MARA telah berjaya untuk mengadakan satu MRSM di Terendak, Melaka sebagai contohnya. MRSM di Terendak, Melaka adalah khusus untuk anak-anak tentera. Jadi, tenteralah yang membina bangunan, tentera memberi kawasan dan MARA hanya pergi untuk menyediakan guru-guru dan pembayaran gaji guru-guru. Maknanya infrastruktur, prasarana peringkat awal semuanya dikendalikan oleh Angkatan Tentera dan ini berjaya. Sebab itu pada hari ini kita tengok anggota tentera kita boleh hantar dia ke Samolia, hantar dia ke Kampuchea, hantar dia ke Namibia, dia tidak bimbang dengan pendidikan anak-anaknya, sebab pendidikan

anak-anaknya dijagai oleh MRSM Terendak yang mma seluruh penuntut itu adalah datang daripada anak-anak Angkatan Tentera. Jadi, bolehlah dia pergi ke luar negeri menjalankan tugasnya dengan penuh perasaan dan hati yang tenang, kerana dia tahu bahawa pendidikan anak-anaknya itu telah dipelihara oleh MARA dengan Tentera.

Sekarang ini ada permintaan daripada Angkatan Tentera supaya diwujudkan satu lagi MRSM seperti ini untuk anak-anak Tentera, dia hendak meraberi kawasan di Lumut, dia hendak membuat bangunan sekolah, semuanya dia buat dan padang juga disediakan, siap besok kita hanya masuk dengan guru-guru kita sahaja. Jadi, kosnya akan rendahlah, bermakna MARA tidaklah menanggung kos yang begitu tinggi .

Jadi di sini, skim ini kita buat juga dengan Polis. Anak-anak Polis juga ada MRSM khusus untuk anak-anak mereka, yang mana bangunan sekolah semuanya disediakan oleh Polis. Ini juga Polis tidak bimbang terhadap pelajaran anak-anaknya, insya Allah akan dijagai kepentingannya oleh MRSM yang joint-venture, dengan izin, dengan Polis.

Jadi, apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah kalau segala skim yang dibuat dengan Tentera dan Polis ini mendatangkan manfaat kepada anak-anak Tentera atau anak-anak Polis kita. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan di mana Kastam dan Eksais Diraja ini adalah duduk di bawahnya. Kastam inipun serupa juga, dia boleh dihantar ke mana-mana dalam negara kita ini pada bila-bila masa.

Dan sepetimana kita tahu apabila transfer sahaja, maka berbangkit-lati masalah persekolahan anak-anak. Kadang-kadang mereka ini dihantar ke sempadan Siam, ke Johor, ke Muar dan mana-mana tempat lagi. Cadangan saya kepada Kementerian kewangan ialah, apakah tidak boleh difikirkan bahawa untuk Kastam ini juga kita adakan satu skim yang sama sepetimana yang kita adakan untuk Tentera. Jumlah Kastam inipun ramai juga dan anak-anak mereka lagi ramai. Jikalau skim ini diadakan untuk mereka dan sekiranya mereka ini dihantar ke mana-mana sahaja, maka sudah tentulah pengajian anak-anak mereka itu tidaklah merupakan satu masalah yang terpaksa dihadapi oleh mereka. Mereka boleh pergi ke mana tetapi anak mereka ada di.MRSM.

Di Sini, saya ingin mencadangkan skim **ini**. kepada pihak Kastam dan juga mungkin uatuk Imigresen iaitu Jabatan dj. bawah Kementerian Dalam Negeri. Kita hendak supaya skim ini diadakan untuk semua perkhidmatan awam yang beruniform, malah untuk yang tidak beruniform pula kalau ada tempat kita boleh juga buat satu MRSM khusus uatuk anak-anak kakitangan Kerajaan. Boleh! Soalaya, kalau Kerajaan bersetuju, buatlah bangunan untuk MARA dan MARA pun masuklah. Ini penting. Sebab itulah saya mengatakan bahawa di (masa-masa yang akan datang pihak Perbendaharaan kalau boleh, kepada Kementerian Perusahaan Awam ini berilah peruntukan yang lebiti sedikit khusus untuk MARA. Ini kalau bolehlah. Kerana apa? Kerana kita hendak

memperbanyakkan MRSM ini untuk Tentera, untuk Polis, untuk Imigresen, untuk Kastam dan mungkin juga khusus untuk anak-anak kakitangan Kerajaan dan ini memerlukan..kepada guru - guru yang MARA kena menyediakan. bila hendak menyediakan guru, kana beri wang lebih sedikitlah kepada MARA dan MARA boleh membuat kerja ini.

Juga bagi kawan-kawan saya di Sabah dan Sarawak, saya rasa MARA juga perlu diberikan peruntukan yang lebih kerana MARA harus masuk secara serius. bukan maknanya sekarang ini tidak serius, sekarang ini serius juga, tetapi saya ingin melihat macam mana kejayaan yang boleh didapati di Semenanjung ini, saya mahu supaya kejayaan itu juga dapat dicapai di Sabah dan Sarawak.

Puan. Hajah Zaleha binti Hussin; [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha minta laluan. Panjang betul mengenai MARA ini, Yang Berhormat!

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji. Nazri. Saya dengar tadi beliau meminta tambahan daripada Kementerian Kewangan untuk Kementerian Perusahaan Awam khususnya untuk MARA., Nampaknya hendak ditambahkan lagi sekolah-sekolah MRSM ini di Sarawak dan di Sabah. Apakah Yang Berhormat juga bercadang untuk menambah sekolah MRSM ini di negeri Kelantan dalam permohonan tambahan pembinaan sekolah MRSM ini?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat di Kelantan ini kita boleh tunggu dahululah sebab kita sudah ada satu MSRM. Kebetulan di Melaka ada dua. Kerana apa? Satu di Jasin dan satu untuk Tentera. Saya tengok di Sabah dan Sarawak tidak ada MRSM.

Adakah MRSM di Sarawak? Belum ada! Mengapa tidak? Saya merasakan, kalau kita betul-betul serius hendak membantu bumiputera, kita mesti dirikan MRSM ini. Di Sarawak kita kena buat. Di Sabah,...Yang Berhormat Tuan Johan Ghani apabila saya sebut Sabah, dia pun masuk. Macam dia tahu sahaja. Di Sabah kita kena buat oleh sebab kita tahu Kerajaan yang ada pada ketika ini adalah Kerajaan yang tidak mementingkan kepada kepentingan rakyat. Dia tidak pentingkan rakyat. tidak apalah, tetapi kita...

Tuan Joban B.O.T. Ghani: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Johan minta laluan.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Nazri, bilakah agaknya hendak dibuat di Sabah ini? [Ketawa]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dengar ucapan Yang, Amat Berhormat Perdana Menteri. kita di Sabah pada 30hb Mei yang, lalu, beliau mengatakan, insya Allah, jika Sabah ini Kerajaan Negerinya Barisan Nasional, kita akan jadikan negeri Sabah ini sebuah anegeri yang pembangunan itu amat membanggakan. Jadi, kena tunggu kita menanglah, jawapannya! Sebab pada ketika ini Kerajaan PBS yang, ada sekarang perangainya macam "iblis" sedikit. Dengan izin - perangai macam "iblis".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa itu tidak parliamentary. Kalau boleh, cari satu 'synonym' untuk 'iblis' ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkataan. 'pelesit'¹ boleh atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Perkataan itu lebih kurang juga!

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; Mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh berikan cadangan! [Ketawa] Tak apalah itu. Kita katakan "perangai yang tak baiklah", sebab segala apa yang Kerajaan Pusat buat, dia kata segala yang baik itu dia yang buat. Masalahnya di sini ialah, apabila Kerajaaa Barisan Nasional menang, kita akan buat ini sebagai satu insentif kepada rakyat Sabah kalau mereka mahu melihat...

Tuan Johan. B.O.T. Ghani @ Christopher: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua; Yang Berhormat, Tuan Johan minta laluan sekali lagi.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher; Tuan Yaag di-Pertua, di segi apa perangai yang tidak baik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nazri itu? ;

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perangai pemimpin PBS yang tidak baik ini kalau dalam "bahasa Melayu-Indialan", - "lembu punya susu sapi punya nama". Macam itulah umpamanya.

Timbalan Yang di-Pertua; Bukan susu tanpa lembu?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itupun boleb juga. Perangainya tidak baik, dia mencucuk. Itu yang saya kata perangainya macam '**dia**' itulah, sebab '**dia**' mencucuk. Dia cucuk orang itu, cucuk orang ini bukan untuk membuatkan rakyat Sabah supaya mempunyai perasaan cinta terhadap pemimpin Semenanjung, tetapi mereka bertambah benci. Kalau memang kita buat salah, betul tak apalah! **Ini.** kita tidak buat salah tetapi '**dia**' cucuk orang kampung supaya membenci kepada kita walaupua kita tidak buat salah. **Inilah,**

Tuan Yang di-Pertua, seperti perangai Pairin. Synonym tidak. tahulah sama ada Pairin dengan dia itu serupa atau tidak. Tetapi perangainya macara itulah. Soalnya i.alah, bila kita nendak. buat - kalau rakyat negeri Sabah memikirkan untuk. kepentingan. masa hadapan mereka dan masa hadapan anak.-anak mereka, maka sudah tentulah memang pilihannya begitu ketara sekali (obvious) aalam pilihanraya akan datang tidak ada pilihan lain sebenarnya, melainkan. untuk menyokoag Kerajaan Barisan Nasional.

Seperti di Kelantana mencukupilah dengan ada satu itu. Walau bagaimanapun, kalau kita buat di negeri lain. kita buleh ambil anak-anak Kelantan ini untuk mereka keluar ke negeri-negeri lain. Kalau mereka belajar di Kelantan juga memang tidak ada perubahanlah sebab pendidikan ini bukan sahaja menuntut ilmu tetapi membuka mata - soal pembangunan. Kita buat di negeri lain, kita bawa anak Kelantan itu keluar supaya mata mereka akan nampak lebih luas, tidak hanya nampak Nik Aziz dengan member-membernya. Untuk Kelantan kita buat di tempat lain. da. anak K.elantan kita bawa keluar supaya mereka belajar di MRSM di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya hendak nyatakan di sini sebab saya percaya rakan-rakan yang lain juga ingin mengambil bahagian. Maka dengan kata-kata **itu**, saya sekali lagi berdiri untuk menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan,
sila.

5,40 ptg.

Tuan V. K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangku untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-raaksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, B. 26 - Kementerian Pendidikan. Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dr Michael Toyad telah menyatakan kepada soalan saya di Dewan yang mulia ini pada 25hb Mei, 1993 bahawa guru-guru bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah menengah adalah mencukupi pada masa sekarang. Di sini saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan mengenai masalah-maalalah yang timbul dari perlaksanaan bahasa ibunda POL di seluruh tanahair kita. Pengajaran bahasa Tamil di sekolah menengah tidak dimulakan pada awal tahun sedap tahun, walaupun terdapat bilangan pelajar bahasa ibunda yang cukup pada keseluruhannya. Sebab itulah nampaknya bilangan guru-guru bahaasa Tamil mencukupi seperti dinyatakan oleh Timbalan Menteri pada hari itu. Sebenarnya, jika pengajaran bahasa Tamil dimulakan di semua sekolah-sekolah yang ada bilangan pelajar-pelajar bahasa Tamil yang secukupnya, sudah tentu bilangan guru-guru bahasa Tamil tidak mencukupi. Ini disebabkan amalan memulakan kelas bahasa Tamil, jika terdapat bilangan pelajar bahasa Tamil sekurang-kurangnya 15 orang pelajar, tidak dipatuhi di sekolah-sekolah tertentu di seluruh negara ini.

Pada umumnya, saya menyatakan bahawa terdapat guru-guru besar yang tidak sudi menjalankan kelas bahasa Tamil, walaupun ibu bapa meminta beberapa kali untuk menjalankannya. Sebab itulah ramai di antara ibu bapa menjadi bosan dan tidak begitu gemar meminta guru-guru besar menjalankan kelas ini.

Tuan Yang di-Pertua,mengapakah ramai di antara guru-guru besar bersikap begini? Pada pandangan saya, bilangan guru-guru bahasa Tamil yang mengajar di sekolah-sekolah menengah secara sepenuh masa dimasukkan ke dalam peruntukan guru sekolah dengan school establishment' itu. Dengan demikian, tenaga pengajar untuk mengajar lain-lain mata pelajaran dikurangkan. Akibat inilah menimbulkan banyak masalah dalam menjalankan pentadbiran proses pembelajaran dan pengajaran sekolah itu. Oleh itu, ramai di antara guru-guru besar lebih gemar memilih guru-guru bahasa ibunda yang mengajar secara sambilan. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa kelas-kelas bahasa ibunda di sekolah-sekolah bermula lewat satu atau dua bulan setiap setahun setelah sekolah dibuka. Masalah lain pula, iaitu pengajaran bahasa ibunda ini berakhir lebih awal sebelum sekolah ditutup pada setiap akhir tahun. Dalam keadaan seperti ini, pengajaran bahasa ibunda secara berkeaan tidak dapat disempurnakan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jadual waktu pengajaran bahasa ibunda yang ada di kebanyakan sekolah adalah tidak disesuaikan. Ada sekolah yang masih menjalankan kelas POL pada hari Sabtu ataupun pada waktu petang. Pelajar-pelajar terpaksa berulang ke rumah dan datang lagi ke sekolah. Dalam keadaan ini, masalah pengangkutan. dan.keselamatan

bagi pelajar-pelajar pula timbul. Ibu bapa terpaksa membelanja lebih kepada anak-anak mereka. Oleh itu, ramai di antara pelajar-pelajar tidak begitu gemar menghadiri kelas ini pada waktu petang ataupun pada hujung minggu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan harus memahami keadaan ini dan perlu bertindak untuk memperbaiki keadaan ini. Pada awal setiap tahun, guru-guru besar perlu menghantar borang-borang permohonan bagi menjalankan kelas-kelas bahasa ibunda ini kepada semua ibu bapa untuk mendapat maklum balasnya. Jika ada cukup 15 orang pelajar, guru-guru besar perlu memulakan pengajaran bahasa ibunda ini. Di sini saya menegaskan bahawa Surat Pekeliling mengenai perlaksanaan kelas-kelas bahasa ibunda ini perlu dihantar sekali lagi kepada semua sekolah di tanahair kita, dan segala kesilapan yang berlaku dalam hal pentadbiran ini perlu diperbaiki. Pengajaran bahasa ibunda itu perlu dimasukkan dalam jadual waktu sekolah. Bilangan guru-guru bahasa Tamil tidak perlu masuk ke dalam peruntukan guru establishment sekolah, barulah pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil boleh dilaksanakan dengan baik serta tenaga pengajar bahasa Tamil boleh ditambahkan. Saya juga merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya menitikberatkan tentang perkara ini dan mengambil langkah-langkah positif dan membuat kajian untuk mera-betulkan segala kesilapan dari segi pentadbiran pengajaran dan pera-belajaran kelas-kelas bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan saya mengapa mata pelajaran bahasa Tamil telah digugurkan dari senarai pengiktirafan elektif untuk memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan menikmati cuti belajar separuh gaji di mana-mana institusi pengajian tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan menjawab bahasa Tamil telah digugurkan dari senarai tersebut kerana keperluan guru bahasa Tamil adalah mencukupi, dan guru itu adalah lebih dari apa yang diperlukan. Di sini sukalah saya memberi sedikit sebanyak pandangan terhadap jawapan Timbalan Menteri Pendidikan ini.

Seperti yang kita sedia maklum, hanya sebuah universiti sahaja dalam beberapa institusi pengajaran tinggi di negara ini memberi peluang untuk mempelajari bahasa Tamil di peringkat tinggi. Dalam pada itu pun, kita terpaksa berjuang untuk mengekalkan kedudukan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pengajian tinggi pada tiap-tiap tahun sehingga sekarang. Pada masa ini, keperluan graduan-graduan bahasa Tamil adalah makin meningkat dalam beberapa agensi-agensi Kerajaan. Selain daripada sekolah, Maktab-maktab Perguruan, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Pusat Perkembangan Kurikulum, Radio Pendidikan, Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri, Lembaga Peperiksaan dan Kementerian Pendidikan juga memerlukan tenaga berijazah bahasa Tamil untuk menjalankan tugasnya. Bidang-bidang yang lain seperti Jabatan Penerangan, Kastam dan Eksais DiRaja, Lembaga Penapisan Filem, Jabatan-jabatan Buruh serta mahkamah juga memerlukan tenaga berijazah untuk berkhidmat dengan mereka.

Sekarang bilangan graduan-graduan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang wujud dan akan wujud adalah tidak mencukupi. Langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan ini masih belum lagi dirancangkan. Dalam keadaan seperti ini, keputusan Kementerian untuk menggugurkan bahasa Tamil dari senarai pengiktirafan mata pelajaran

elektif yang memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan menikmati cuti belajar separuh gaji di mana-mana institusi pengajian tinggi adalah mendukacitakan. Tindakan ini amat merunsingkan dan tidak seimbang dengan hasrat Kementerian yang sentiasa meminta dan menggalakan guru-guru bahasa Tamil untuk meningkatkan taraf pencapaian kelayakan akademi. Tindakan ini adalah tidak adil dan tidak saksama kepada kakitangan Kerajaan yang ingin melanjutkan pendidikan dalam bahaaa Tamil dengan menikmati cuti separuh gaji.

Oleh itu, Kementerian harus memberi timbangan sewajarnya dalam perkara ini dan mengambil langkah untuk merosakkan bahasa Tamil dalam pengiktirafan mata pelajaran elektif di pusat pengajian tinggi bagi tujuan kakitangan Kerajaan menikmati cuti separuh gaji.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Menteri Pendidikan juga telah mengumumkan bahawa guru-guru sandaran atau sementara yang berpengalaman selama tiga tahun dikecualikan dari menduduki Ujian-Kelayakan ke Pusat Latihan Guru. Pengumuman ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat pada keseluruhannya. Ini adalah satu tindakan sewajar Kementerian Pendidikan yang patut disanjung tinggi dan dihargai. Saya berpendapat pengumuman ini akan membawa banyak manfaat kepada guru-guru sementara dan sandaran yang mengharap-harapkan kerjanya perguruan. Ini adalah satu cara yang tepat dan cekap sekali diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar.

Guru-guru sandaran dan sementara yang telah berkhidmat lebih dari tiga tahun tentulah mempunyai pengetahuan luas dalam profesi perguruan. Pengalaman dan pengetahuan mereka dalam bidang perguruan

adalah lebih sempurna. Oleh itu, wajarlah bagi mereka untuk dikecualikan daripada mengambil Ujian Kelayakan tersebut.

Di sini saya mengambil kesempatan ini di Dewan yang mulia ini bahawa syarat kelayakan memperolehi lima kepujian, termasuk mata pelajaran Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dalam satu sijil yang dikenakan kepada pemohon-peraohn masuk ke Pusat Latihan Perguruan perlu diberi perhatian dan dikaji semula. Dengan mengadakan syarat-ayarat kelayakan seperti ini, saya khuatir ramai guru-guru sandaran dan sementara yang mempunyai perkhidmatan lama akan hilang peluang keemasan ini.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian untuk memberi sedikit-sebanyak kelonggaran dalam syarat kelayakan, seelok-eloknya lima kepujian dalam lebih dari satu sijil di peringkat SPM. Dengan ini, ramai guru-guru sandaran dan sementara akan mendapat peluang menyertai latihan perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pandangan saya ialah mengenai temuduga-temuduga yang dijalankan oleh Kementerian bagi pengambilan guru-guru pelatih ke latihan perguruan. Soalan-soalan yang menguji pengetahuan tentang profesi perguruan sahaja perlu dititikberatkan. Janganlah menyoal perkara-perkara yang tidak kena-mengena dengan profesi perguruan ini semata-mata untuk menyingkirkan pemohon-pemohon, kerana mutu pengajaran mereka adalah setanding dengan mutu pengajaran guru-guru terlatih dan mereka mempunyai sikap pengorbanan dalam bidang ini. Oleh itu, Kementerian harus memberi perhatian khas kepada mereka untuk diserapkan ke Pusat-pusat Latihan Guru. Di samping itu, saya mengalu-alukan pengumuman Timbalan Menteri Pendidikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa sukacitanya saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang di hadapan kita sekarang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

5.52 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan turut memberi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993.

Namun begitu saya ada sedikit teguran mengenai Maksud 3.50, Jadual Kedua, di mana Kementerian Perusahaan Awam telah meminta peruntukan tambahan sejumlah RM29 juta.

Tuan Yang di-Pertua, RM29 juta ini merupakan tambahan melebihi daripada 3% anggaran asal yang diperuntukkan iaitu RM90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi budgeting, dengan izin, sebarang permintaan peruntukan tambahan yang melebihi 102, saya anggap sebagai satu amalan yang tidak digalakkan, sebab ini menunjukkan bahawa pihak tertentu atau Kementerian tertentu mungkin kurang cepat bila masa menyediakan peruntukan mereka atau menyediakan belanjawan mereka. Ini juga menunjukkan bahawa pihak tertentu kurang profesional bila menyediakan anggaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya hendak minta keizinan supaya saya dapat memberi satu contoh lagi yang menunjukkan bahawa kadangkala pihak tertentu bila menyediakan peruntukan atau belanjawan memang kurang memikirkan dengan mendalam. Misalnya, saya hendak sentuhkan satu kes mengenai dengan peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), walaupun kes ini tidak terlibat langsung dengan peruntukan yang dibincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyedari bahawa semalam Kuala Lumpur telah sekali lagi mengalami kebanjiran yang amat teruk akibat hujan lebat, di mana dua orang kanak-kanak telah dilaporkan hilang,

walaupun laporan ini belum disahkan oleh pihak Polis. Dan kita tahu, ibu kota kita selalu mengalami banjir, tetapi keterangan seperti semalam itu pernah berlaku juga pada tahun 1990, di mana kita pernah mengalami banjir yang begitu besar dan rakyat biasa mengalami kerugian besar, sama ada dari segi harta benda, perabot, alat elektrik atau kemungkinan kehilangan nyawa. Pada tahun 1990 itu, saya teringat pada masa itu, bekas Dato' Bandar kita, Tan Sri Elyas Omar dan Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat pernah melawat tempat di Batu 4, Jalan Klang Lama, yang mana rakyat juga mengalami kerugian besar. Dan selepas banjir itu, pihak Dewan Bandaraya telahpun membelanjakan lebih kurang RM1 juta untuk membaiki jalan raya dan menurap semula Jalan Klang Lama. Dan selepas itu DBKL pun telah memperuntukkan lebih kurang RM2 juta dalam Rancangan Malayaia Keenam untuk memperbaiki longkang dan pembetungan yang mensaluri air ke Sungai Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991, mengikut jadual peruntukan, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan untuk memulakan projek itu, tetapi pada tahun tersebut projek itu tidak dijalankan atas sebab-sebab yang saya tidak faham hingga masa sekarang. Saya difahami bahawa pihak DBKL kata, dia tidak ada duit, saya pun berasa hairan, sebab kalau mengikut proses perbelanjawan, bila sesuatu belanjawan telah disediakan, biasanya duit pun telah disediakan. Saya pun tidak faham dan tidak tahu sama ada peruntukan itu dibatal-kan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mempersoalkan kebijaksanaan DBKL membuat keputusan begitu, sebab bila kita membatalkan peruntukan itu, ini menunjukkan bahawa keputusan itu merupakan, dengan iain, 'penny wise pound foolish'. Sebab saya tidak faham macam mana pihak Dewan Bandaraya boleh sanggup membelanjakan sebanyak RM1 juta untuk membaiki jalan apabila ada kejadian banjir dan enggan membelanjakan RM500,000 untuk membina parit dan membaiki pembentungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa khuatir atas perkara ini. Jikalau saya tidak salah, segala perbelanjaan sebelum diluluskan oleh pihak DBKL biasanya adalah dibincang dengan panjang lebar oleh Lembaga Penasihat DBKL. Dan jika telah dibincang dan telah diluluskan, macam mana peruntukan itu boleh dibatalkan tanpa pengetahuan Lembaga Penasihat? Dan saya juga ingin mempersoalkan kebijaksanaan pihak DBKL membuat begitu. Apa yang kita lihat semalam ialah bahawa sekali lagi apa yang telah terjadi pada tahun 1990 telah berulang lagi dan rakyat di Jalan Klang Lama, di Kampung Haji Abdullah Hukum dan di Kampung Pasir sekali lagi mengalami kerugian yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sesiapa yang membuat atau menyediakan perbelanjaan bagi jabatan-jabatan Kerajaan mesti mengutamakan kepentingan rakyat terutamanya mengenai dengan projek-projek infrastruktur seperti projek-prajek untuk mengatasi banjir, membina jalan dan sebagainya.

Jadi,saya ingin menyeru kepada pihak tertentu, apabila menyediakan peruntukan hendaklah memikirkan dengan lebih mendalam dan mesti cuba meangurangkan atau meringankan kesengsaraan, rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan kampuag di sekitar ibu-kota kita. Sekian

Timbalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam.

6.01ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang terlibat dalam senarai bagi mendapatkan kelulusan tambahan peruntukan bagi tahun 1992 dan bagi tahun 1993 lain seperti tercatit di atas Rang Undang-undang O.R.4/93.

Apabila tambahan peruntukan dibuat sudah semestinya kerja-kerja bertambah dan apabila kerja-kerja bertambah sudah tentu menampakkan kemajuan yang sepatutnya dilaksaaaka oleh tiap-tiap Kementerian dan jabatan-jabataa yang berkaitan.

Perlu ditekankan bahawa rakyat di luar bandar hendaklah dibela dengan sebaik-baiknya, kerana kadar kemiskinan terbanyak ialah dari~ pada kalangan rakyat di luar bandar. Dengan demikian. Kementerian-kementerian seperti kementerian Pembangunan Luar Banar, bandar Perdana Menteri, Kementerian-kementerian, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan lain-lain Kementerian hendaklah memprogramkan setiap bentuk pembaharuan bagi membela nasib kumpulan bawahan iaitu rakyat yang lemah yang benar—benar memerlukan bantuan sebelum kumpulan-kumpulan lain, dibela.

Selain dari itu, perlu diingatkan usahawan-usahawan bumiputera yang masih lemah di dalam perniagaan perlu dibela dan galakkan tertentu perlu diberi oleh Kerajaan. Seterusnya saya juga memohon supaya pihak Jabatan Perdana Menteri memberi pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya tentang Resolusi-resolusi Kongres Ekonomi Bamiputera Ketiga, yang mana Dewan Perniagaan Melayu memainkan peranan penting. Banyak sungutan-sungutan dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Perniagaaa Melayu dan peserta-peserta Kongres tentang perkara ini. Mudah-mudahan dengan terlaksanaaya resolusi-resolusi berkenaan, usahawan-usahawan sekalian mendapat pembelaan yaag sepatutnya.

Sekian, dan saya menyokong Rang Undang-undang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

6.05 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran; Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan, 1993) 1993, dan ingin mengemukakan beberapa pandangan.

Apabila diteliti di dapat bahawa banyak peruntukan telah diperuntukkan bagi pembangunan luar bandar oleh beberapa Kementerian. Untuk menentukan keberkesaananya, saya mencadangkan supaya sebahagian daripada peruntukan tambahan ini, di samping menyediakan peluang-peluang daa prasarana, Kerajaan hendaklah juga memperuntukan untuk pembangunan sumber manusia di sektor tersebut, terutamanya di peringkat kepimpinannya.

Untuk meningkatkan kepimpinan ini, dicadangkan supaya semua Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan juga ahli-ahii JKKK tersebut diberi latihan pendidikan, pengurusan dan pendedahan terhadap polisi-polisi Kerajaan berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab mereka,

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini, jika kita tinjau di mana-mana organisasi yang berjaya, kita dapati bahawa peringkat pentadbiran dan pengurusannya dikendalikan oleh individu yang bukan sahaja mempunyai kelayakan kertas yang tinggi, tetapi juga latihan dan dedahan yang dibuat dari masa ke semasa mengikut perkembangan semasa dan peredaran zaman. Malah Pegawai-pegawai Kerajaan juga diberi latihan demi latihan, dan kita juga tahu bahawa INTAN memainkan peranan yang penting untuk tujuan ini.

Apa yang ingin saya sebutkan di Dewan yang mulia ini ialah betapa pentingnya kepimpinan di peringkat luar bandar diberi pendidikan, pendedahan dan kemahiran di dalam menyambut dan melibatkan kampung mereka dan penduduk-penduduk di dalamnya dengan agensi-agensi pembangunan yang disediakaa oleh Kerajaan. Kerajaan adalah disarankaa supaya memberi tumpuan ke arah ini dan satu cara yang saya rasa sesuai adalah, dari masa ke semasa menghimpunkan pemimpin-pemimpin di peringkat-peringkat yang saya sebutkan tadi di dalam satu seminar di mana kertas kerja dibentangkan oleh Kementerian-kementerian berkaitan, yang mempunyai matlamat dan diberi mandat untuk meneruskan cita-cita Kerajaan di peringkat Kementerian masing-masing.

Di samping mereka diberi bimbingan di dalam mentadbir kampung dan strategi-strategi untuk mencapai matlamat yang disebutkan tadi, mereka juga boleh berinteraksi sesama mereka di mana mereka dapat menimba ilmu dan mencari pengalaman di antara mereka. Sebagai contoh, saya pernah melihat satu pusat di bawah Skim Pembangunan industri Sampingan yang diajurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana ianya telah tidak digunakan sepenuhnya. Sebenarnya Pusat ini didirikan bertujuan untuk kegunaan beberapa kampung di bawah seliaan beberapa Ketua Kampung. Tetapi oleh kerana Pusat tersebut telah di dirikan di dalam sebuah kampung, maka faedah yang diperolehi hanya untuk satu kampung Itu sahaja. Ketua-ketua Kampung yang lain merasakan bahawa kemudahan tersebut bukanlah hak mereka.

Jadi, saya rasakan, kalau lah kita dapat mendedahkan mereka kepada cara-cara menggunakan faedah yang diberikan oleh Kerajaan, kemungkinan keberkesanannya akan dapat dirasai. Jika Pengurus dan Ahli JKK Kampung, tadi diberi pendedahan dan maklumat, pastilah mereka boleh memberi keyakinan kepada anak buah mereka. Dengan cara pembangunan sumber manusia diselaraskan dengan pembangunan prasarana, maka segala dasar-dasar Kerajaan akan dapat mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kemudahan tempat tinggal bagi penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Lazimnya pihak pusat-pusat pengajian tinggi ini cuma dapat menawarkan kemudahan tempat tinggal untuk penuntut-

penuntut mereka pada tahap tahun 1 dan tahun 2 sahaja dan pada tahun berikutnya, penuntut-penuntut ini terpaksa mencari kemudahan tempat tinggal yang lain. Saya mendapat maklumat bahawa prestasi mereka mula menurun di tahap ini, walaupun diperingkat permulaannya mereka telah membuktikan kecemerlangannya. Ramai di kalangan mereka akhirnya menyelesaikan masalah mereka dengan duduk beramai-ramai di satu bangunan di kawasan setinggan yang tentunya menimbulkan masalah psikologi di samping masalah pembelajaran mereka.

Telah sampai masanya Kementerian Pendidikan menimbaangkan pembinaan. tempat kediaman di semua pusat-pusat pengajian tinggi supaya penuntut-penuntut kita mendapat suasana yang sesuai bagi meningkatkan pelajaran mereka. Saya cadangkan supaya peruntukan yang sewajarnya harus diberi untuk tujuan ini.

Akhirnya, saya berharap semua Jabatan, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang diberi peruntukan di dalam Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993 ini, terutamanya yang menerima faedah daripada Skim SSB dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang. Sekian.

Timbalan Yang diPertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah.

6.09ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawasanya masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu diambil kira olen kerajaan dan seujarnyalah Kerajaan menyelidik serta memerhati dari segi manakah terdapatnya kekurangan yang perlu diberi perhatian.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin memberi pandagan dari segi tidak berlakunya kekurangan doktor-doktor pakar daripada jurusan Falsafah, sebagaimana apa yang telah berlaku kepada doktor-doktor pakar perubatan yang amat sukar bagi Kerajaan untuk mengatur dengan baik buat masa ini. Saya berharap dengan apa yang kita bincangkan hari ini, doktor-doktor falsafah ini tidak akan menuruti jejak doktor-doktor perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Kementerian Pengangkutan dan lain-lain Jabatan-jabatan kerajaan dan juga pihak swasta baik yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam perancangan dan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, yang baru di Sepang, Selangor. Dengan adanya lapangan terbang yang termoden dan dilengkapi oleh peralatan yang canggih, adalah diharapkan kawalan keselamatan dapat diselenggarakan dengan lebih baik.

Di samping itu juga, negara akan dapat menampung keperluan, penerbangan yang dijangka meningkat pada penghujung dekad ini. Lebih-lebih rancangan negara untuk menjadi tuan rumah di Sukan Komanwel 1998 yang akan datang. Memang cepatlah masanya Kuala Lumpur akau mempunyai sebuah Lapangan Terbang yang serba lengkap sempena menyambut seruan negara ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, projek besar yang dijangka akan menelan belanja bermilion-milion ringgit ini perlulah dirancang dengan teliti di dalam aspek teknikal misalnya. Saya ingin tahu sejauh manakah penglibatan jurutera-jurutera perunding tempatan di dalam kerja-kerja mereka bentuk kerja-kerja awam, mekanikal dan elektrikal. Dan adakah kontraktor-kontraktor bumiputra dan tempatan diberi keutamaan di dalam kerja-kerja pembinaan di Lapangan Terbang Atarabangsa yang baru di Sepang ini?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita semua sedia maklum, terdapat banyaknya penglibatan syarikat-syarikat luar negeri seperti Jepun dan United Kingdom di dalam projek ini. Penglibatan mereka adalah baik, kerana mungkin negara kita masih belum boleh mengendalikan projek sebesar ini. Akan tetapi, bagaimanakah pemindahan teknologi yang telah dirancangkan bagi projek ini dan di manakah penglibatan pakar-pakar kejuruteraan tempatan, untuk projek ini? Umpamanya, adakah pakar-pakar daripada Institut Kerja Raya Malaysia atau IKRAM yang sememangnya arif mengenai teknologi kejuruteraan tempatan dibawa berunding bersama di dalam kerja-kerja merancang, merekabentuk dan menyelaras projek ini?

Tuan. Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan di mana doktor-doktor pakar telah diberi keistimewaan seperti keutamaan kenaikan pangkat, kelebihan ganjaran dan kenaikan gaji dan lain-lain lagi. Tetapi keistimewaan seperti ini tidak dapat dirasai sepenuhnya oleh doktor-doktor falsafah di dalam bidang tertentu selain daripada pakar perubatan. Walaupun dengan adanya Skim Saraan Baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini, sebilangan besar doktor-doktor falsafan adalah merupakan tenaga pengajar dan penyelidik di universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi Kerajaan.

Tenaga-tenaga pengajar dan pensyarah-pensyarah adalah merupakan pendidik kepada generasi yang akan datang, manakala tenaga pendidik adalah sangat-sangat diperlukan untuk mempertingkatkan R&D bagi mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kenakah doktor-doktor falsafah tidak diberi keistimewaan yang serupa seperti yang dirasai oleh doktor-doktor pakar perubatan. Maka dengan iai, saya dengan penuh kesyukuran menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Setiausaha Parlimen untuk menjawab, tetapi saya rasa Setiausaha Parlimen bijak menjawab dalam masa 15 minit - lengkap dan precise! Silakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: [Bangun]

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin; [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua; Panjang tak?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua; Hendak beri peluang ya? Tak apa, kita demokratik. SiLakan Tuan Hanipah.

6.14 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad; Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil sedikit kesempatan untuk membahas Akta yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya tadi.

Yang pertama sekali saya akan tujukan kepada Maksud B.24, iaitu Kementerian Kesihatan. Untuk, makluman semua Ahli Yang Berhormat, perkara doktor pakar telah dipercakapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dan saya selaku Ahli Yang Berhormat daripada sebuah negeri yang di utara juga berpendapat.....

Timbalan Yang diPetua Sebutlah Perlislah, katakan, tak apalah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Sebuah negeri yang dikenali sebagai negeri Perlis. Perlis juga perlu kepada doktor pakar dalam bidang perubatan. Saya maklumkan di sini, Perlis yang mempunyai penduduk seramai 178,000 orang, kalau tak silap sayalah, pada hari ini hanya mempunyai seorang doktor pakar sahaja antuk mengawasi hal ehwal perubatan di negeri Perlis. Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian setidak-tidaknya penambahan doktor pakar akan dapat diadakan untuk negeri Perlis kerana penduduk-penduduk negeri Perlis juga perlu kepada khidmat doktor pakar bagi menyelesaikan masalah rawatan pesakit-pesakit yang agak ramai juga yang berada di negeri Perlis.

Yang kedua, setelah terlaksananya SSB, maka timbulah masalah-masalah pendapatan pesakit-pesakit untuk menduduki Wad Kelas 1 dan Kelas 2 kerana bila wujudnya SSB, maka kakitangan Kerajaan sekarang

mula meletakkan keluarga-keluarga, khususnya ibubapa, ke Wad-wad Kelas 1 dan Wad Kelas 2. Bagi negeri Perlis telah timbul masalah kerana tidak cukup wad untuk menempatkan pesakit-pesakit di Kelas 1 dan Kelas 2. Kerana saya difahamkan, ada permohonan untuk meletakkan ke Kelas 1 dan Kelas 2, terpaksa diletakkan di Kelas 3. Kerana tidak mencukupi wad-wad untuk pesakit-pesakit yang tersebut, Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian di atas saranan. yang saya kemukakan ini,

Yang ketiga, juga diharapkan bila Lulusnya Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini, maka rungutan-rungutan tentang kecuaian yang bukan sengaja dilakukan oleh kakitangan hospital dapat dikurangkan, Begitu juga rungutan-rungutan daripada masyarakat. khususnya rakyat jelata di seluruh negara.

Yang keempat, saya juga berharap doktor-doktor yang telah tamat pengajian mereka akan dapat meneruskan perkhidmatannya di hospital Kerajaan, seberapa lama yang boleh, dan ini akan memberi kesempatan kepada mereka ini memahami kedudukan dan suasana masyarakat di luar bandar, Kerana kita juga mengharapkan perkhidmatan mereka setelah mereka diberi kesempatan untuk mendapatkan ilmu dalam bidang perubatan ini, dan kita berharap rakyat sedikit-sebanyak akan mendapat pulangan balik daripada perkhidmatan doktor-doktor ini walaupun mereka mempunyai hasrat dan cita-cita untuk meninggalkan jawatan ini ke jawatan-jawatan yang lain yang boleh meningkatkan lagi atau menambahkan lagi pendapatan-pendapatan. mereka dari satu masa ke satu masa.

Saya juga akan menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertahanan iaitu Maksud B.25. Sekarang ini pihak Kementerian Pertahanan khususnya Angkatan Tentera Malaysia yang telah mendapat sanjungan di atas perkhidmatan-perkhidmatan yang telah mereka lakukan untuk keselamatan negara dan kita harapkan pihak. Kerajaan akan mengawasi supaya anggota Angkatan Tentera kita akan dapat memberikan perkhidmatan yang begitu baik daa tidak pula melibatkan perkara-perkara atau angkara-angkara yang tidak sihat sepetimana penglibatan dalam penyalahgunaan dadah dan juga angkara—angkara yang boleh mencemarkan nama baik Angkatan Tentera.

Kita juga menyanjung tinggi khidmat-khidmat anggota Angkatan Tentera kita yang telah berkhidmat di luar negeri sepermulaan di Kambodia dan kita juga mendengar pihak Kerajaan akan menghantar sepasukan Angkatan Tentera kita ke Somalia walaupun keadaan Somalia sekarang ini tidak dapat menjamin keselamatan kepada pasukan-pasukan yang dihantar di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita percaya tentera kita akan dapat menyumbangkan khidmat mereka sepermulaan yang telah mereka khidmatkan di tempat-tempat yang lain. di negara-negara yang telah mereka berkhidmat.

Saya juga mengharapkan Kementerian Pertahanan akan mengambil tindakan segera supaya masalah sempadan di antara Perlis dengan negeri Thai akan dapat diselesaikan supaya Pasukan Angkatan Tentera yang kita letakkan di sempadan itu dapat kita letakkan di tempat-tempat yang lain untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada negara dan kita berharap masalah-masalah yang timbul di serapan khususnya di antara negeri Perlis dengan negeri Thai akan dapat diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh. Penyelesaian ini akan dapat membawa banyak manfaat kepada dua buah negara iaitu negeri-negeri di Selatan Thai dan juga negeri-negeri di sebelah Utara Malaysia.

Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Perusahaan Awam. Sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi banyak benda atau perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam ini ada kaitan dengan MARA dan beliau berpendapat lebih banyak lagi MRSM dapat didirikan di negara ini dan saya berpendapat kalau lebih banyak lagi MRSM akan didirikan, sebuah lagi bolehlah dirancang untuk didirikan di negeri Perlis. Walaupun sekarang audah wujud sebuah tntaktab di negeri Perlis tetapi agak saya Perlis masih lagi perlu kepada pusat-pusat pengajian tinggi untuk membantu ke arah perkembangan sosio-ekonomi negeri yang berkenaan.

Saya juga berpendapat sepetimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, bila ramai penuntut-penuntut yang keluar daripada MRSM maka akan ramailah penuntut-penuntut ini akan melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Selalunya bagi penuntut-penuntut bumiputera ini masalahnya ialah untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi melanjutkan pelajaran tinggi dan sepetimana yang kita faham MARA adalah satu badan yang boleh membantu pelajar-pelajar ini untuk mendapatkan pelajaran di luar negeri. Yang menjadi dilema kepada saya, bila ramai pelajar-pelajar ini memohon untuk mendapat pinjaman MARA, mereka akan belajar ke luar negeri dan bila mereka pulang mereka akan terus berkhidmat di negara ini dan pinjaman-pinjaman yang telah mereka meminjam daripada MARA dan kita telah mendapati beberapa dilema telah difahami oleh pihak MARA yang mana pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut yang telah habis khidmat atau tamat pengajian mereka pulang berkhidmat tetapi mereka tidak pula membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah mereka meminjam daripada MARA. Saya inginlah mendapat penjelasan daripada Kementerian Perusahaan Awam adakah dilema ini akan berlaku juga bila ramai lagi pelajar-pelajar MRSM atau lain-lain institusi pengajian tinggi membuat pinjaman daripada MARA untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri. Saya mempercayai kalaular MARA akan dapat meningkatkan lagi prestasi, ramai lagi pelajar-pelajar bumiputera akan dapat melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Yang akhir sekali, saya juga mengharapkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk membolehkan perpaduan di antara kaum di negara ini ditingkat-

kan lagi dengan menyediakan peruntukan-peruntukan yang mencukupi kepada badan-badan yang ada kaitan dengan perpaduan masyarakat di negara kita. Sekianlah sahaja dan saya menyokong Akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat kita habis di situ sahaja-lah untuk jawapan. Jadi, kerana banyak lagi bil-bil yang hendak diperkatakan jadi tidak apalah, kita mungkin memberi peluang untuk bercakap tentang bil-bil yang lainlah. Terlambat sedikit.

Untuk pengetahuan bersama, **Puan Hajah Rahmah binti Salleh** dan sebut tadi tentang dua jenis doktor: satu doktor falsafah, satu doktor pakar. Doktor pakar itu saya ingat orang faham. Doktor falsafah dalam perubacan, apa yang dimaksudkan?

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Doktor pakar dalam segi kejuruteraan. Doktor kejuruteraan, iaitu doktor falsafah bukan doktor perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, Ph.D. dalam....

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Ya, macam Ph.D.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan dalam perkhidmatan perubatan.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ph.D. dalam lapangan yang lain.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Maknanya dua doktor.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Terima kasih. Saya jemput Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

6.27 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon masa sedikit untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh kerana tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang berucap maka untuk berlaku adil

kepada mereka yang begitu serius menyediakan perkara-perkara untuk dibangkitkan petang ini sudah sewajarnyalah saya mengambil masa sedikit. Dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua mungkin saya mengambil masa 45 minit 4 minit hari ini dan mungkin 41 minit esok.

Ini adalah atas beberapa alasan. Yang pertama untuk berlaku adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa persoalan. Yang kedua ialah kerana masa yang diambil untuk perbahasan ialah kira-kira hampir 2 jam. Jadi, kalau saya ambil 5 minit untuk menjawab perbahasan 2 jam araat tidak adil dan saya akan dicemuhi oleh rakan-rakan sekalian.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Saya benarkan. Panjang sedikit pun tidak apa.

Tuan Mustapha bin Mohamed: Jadi, oleh kerana masa dua tiga minit saya ambil kesempatan ini untuk memberi beberapa penjelasan umum dalam masa kesempatan yang ada sebelum saya pergi untuk menjawab soalan-soalan spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang pertama, ingin saya jelaskan bahawa sepetimana yang diterangkan dalam ucapan saya, sebahagian besar daripada tambahan yang diperlukan adalah untuk memindahkan sebahagian wang kepada Kumpulan Wang Pembangunan iaitu RM4,000 juta dan sebahagian besar lagi ialah untuk membolehkan kita membayar gaji tambahan berikut perlaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) bermula pada 1hb Januari,

